

Jilid II
Bil. 43



Hari Rabu
3hb November, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4525]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18 [Ruangan 4540]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 [Ruangan 4543]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977 [Ruangan 4543]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y. M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y. M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Star).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRIK ANEK UREN
(Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI
ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK
EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ADBUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk-Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.
(Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

Yang Berhormat TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE T'EN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- " DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- " RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- " TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- " TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- " TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- " TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- " TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- " TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- " TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- " TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- " TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- " TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- " TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- " DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- " TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- " TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- " TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- " WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- " TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- " TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- " PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- " DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- " TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- " TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- " TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- " TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- " TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- " DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- " TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- " TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- " WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- " TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 3hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PETRONAS MELANTIK C. ITOH SEBAGAI PAKAR PERUNDING

1. Tuan Edwin anak Taugkon minta Perdana Menteri menyatakan samada PETRONAS telah membentuk satu Pelan Induk untuk membezakan jenis-jenis industri yang berasaskan petrol bagi Sarawak.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah terangkan di Dewan ini pada 27hb Oktober, lalu, PETRONAS telah melantik sebuah syarikat pakar perunding, iaitu C. Itoh, untuk menyediakan Pelan Induk mengenai perusahaan minyak dan gas di Malaysia. Pelan Induk itu akan mengandungi syor-syor untuk membantu PETRONAS menentukan jenis-jenis industri yang berasaskan petrolium yang patut diusahakan di Malaysia. Di antara jenis-jenis industri yang akan dikaji ialah:

- (a) Projek gas asli cecair (L.N.G.);
- (b) Gas cecair petrolium (L.P.G.);
- (c) Keluaran-keluaran petrolium seperti naphtha, minyak tanah dan lain-lain keluaran;
- (d) Ammonia, baja urea dan lain-lain baja yang berasaskan petrolium; dan
- (e) Petro-kimia.

Kajian Pelan Induk ini adalah meliputi seluruh Malaysia termasuk Sarawak dan Sabah.

Adalah dijangka bahawa Pelan Induk ini akan siap pada akhir tahun 1977.

PASUKAN PETUGAS MENGENAI MASAALAH MELAYU DI PULAU PINANG

2. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah langkah-langkah telah dibuat terhadap menyelesaikan masalah kelemahan orang-orang Melayu di Pulau Pinang;
- (b) sejauh manakah kejayaan Pasukan Petugas mengkaji dan membuat laporan untuk mengatasi masaalah ini;
- (c) sejauh manakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi keadaan ini; dan
- (d) siapakah orang-orang yang duduk dalam jawatankuasa Petugas yang telah dibentuk bagi menyasiat keadaan itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Beberapa langkah telah diambil untuk menyelesaikan masaalah orang-orang Melayu di Pulau Pinang. Antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan termasuk memberi peluang-peluang pekerjaan dan menyediakan kemudahan-kemudahan perumahan.
- (b) Laporan yang disediakan oleh Pasukan Petugas bagi mengkaji masaalah-masaalah orang-orang Melayu Pulau Pinang adalah lengkap dan merangkumi semua aspek termasuk hakmilik, penyertaan dalam bidang-bidang perdagangan dan perindustrian.
- (c) Kerajaan masih mengkaji laporan tersebut untuk mengetahui serta menentukan sejauh mana cadangan-cadangan itu dapat dilaksanakan.
- (d) Anggota-anggota Pasukan Petugas itu adalah seperti berikut:

Pengerusi: Encik Mohd. Rusli bin Haji Hussein,
Yunit Perancang Ekonomi Negeri,
Pulau Pinang.

Ahli-ahli: Encik Mohd. Nurzid bin Mohd. Wali,
Kementerian Pertanian.

Encik Mohd. Saadullah bin Suhaimi,
Bahagian Perancang Ekonomi.

Dr Mohamed Iwaz bin Abdul Karim,
Bahagian Penyelarasan Perlaksanaan.

BAKAL HAJI KE MEKAH

3. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan bakal-bakal haji ke Mekah dari Semenanjung Malaysia tahun ini; dan
- (b) samada benar bahawa bilangan mereka pada tahun ini amat merosot sekali kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas, dan jika ya, mengapa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Senator Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat oleh kerana tidak dapat memberi jawapan yang panjang lebar oleh kerana soalan yang hampir-hampir sama telah dijawab di Dewan ini pada 5-7-76 yang lalu ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Ledang, pada 13-7-76 ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat dan pada 19-7-76 ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat. Oleh kerana itu, saya tidak ada apa-apa lagi untuk menambah di atas soalan tersebut.

TUDUHAN MENGENAI PEGAWAI TERTINGGI KERAJAAN

4. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Perdana Menteri samada beliau sedar beberapa orang pegawai tertinggi dalam perkhidmatan Kerajaan telah menjadi mangsa beberapa orang Menteri Kerajaan dituduh dalam beberapa mesyuarat UMNO bahawa mereka telah melakukan kesalahan tanpa mereka dapat mempertahankan diri. Jika benar, bolehkah beliau menghapuskan

tuduhan tersebut oleh kerana perbuatan tersebut akan merosakkan semangat pegawai-pegawai tersebut dan perbuatan itu juga mengancam kekecualian (neutrality) Perkhidmatan Awam.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini amatlah umum. Oleh yang demikian, saya tidaklah dapat memberi jawapan yang tepat, mungkin tuduhan-tuduhan ke atas pegawai-pegawai tertinggi dalam Perkhidmatan Kerajaan bagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah berlaku di dalam sesuatu mesyuarat UMNO. Jika Ahli Yang Berhormat dapat memberi tahu saya kejadian-kejadian tertentu bolehlah saya memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar di dalam mesyuarat agong UMNO baharu-baharu ini yang diadakan pada bulan Jun tahun ini, ada beberapa pegawai-pegawai UMNO dan juga seorang Ketua Menteri ada membuat beberapa tuduhan kepada beberapa orang pegawai tinggi di dalam perkhidmatan Kerajaan, dan malangnya walaupun ada beberapa Menteri Kerajaan Pusat hadir, mereka tidak membela nasib pegawai-pegawai Kerajaan tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, itulah maksud saya yang saya katakan soalan ini amatlah umum dan tidak tepat. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu daripada awalnya menerangkan mesyuarat mana dan siapa yang bercakap itu bolehlah saya menyiasat dan memberi jawapan yang saya harap dapat memuaskan hati Ahli Yang Berhormat itu.

Dr Tan Chee Khoon: Saya boleh beri satu contoh.

Tuan Yang di-Pertua: Tanya sahaja soalan tambahan boleh, tak payah buat contoh-contoh.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar seorang Ketua Menteri iaitu Ketua Menteri Sarawak telah menuduh Ketua E.P.U. dan dipanggil beliau dengan beberapa nama, dan malangnya tidak ada orang yang menjawab tentang

tuduhan tersebut. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar, dan jika tidak sedar, bolehkah beliau menyiasat tuduhan tersebut dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu terkeluar daripada soalan asal. Soal asal itu dikatakan umum sangat.

PERLAKSANAAN PROJEK RANCANGAN MALAYSIA KEDUA

5. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan.

- (a) berapa banyak projek dalam Rancangan Malaysia Kedua telah tidak dapat dilaksanakan dan daripada Kementerian manakah projek-projek itu serta nilainya;
- (b) adakah benar bahawa dalam masa melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua dahulu masalah yang disungutkan ialah wang susah hendak dapat daripada Kementerian Kewangan dan tidak mengikut apa yang dijadualkan (diperuntukkan) oleh sebab itu banyak rancangan telah tidak dapat dilaksanakan dalam masa yang tertentu atau adakah sebab-sebab yang lain; dan
- (c) berapa banyak peruntukan bagi projek-projek di negeri Sabah yang tidak dapat dilaksanakan dan apakah projek-projek itu, di mana letaknya dan sebab-sebab utama tidak ditamatkan seperti yang dijadualkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seperti yang mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Buku Rancangan Malaysia Ketiga ada memberi ulasan bukan sahaja mengenai program dan projek-projek yang akan dilaksanakan dalam tempoh rancangan tersebut tetapi juga kemajuan mengenai pelaksanaan projek-projek bagi sesuatu sektor di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Dengan demikian, saya kira tidak payahlah saya mengulangi ulasan yang telah tercatat di dalam Buku tersebut.
- (b) Setahu saya, biasanya tidak ada kesukasan untuk mendapatkan wang

dari Kementerian Kewangan bagi projek-projek kerana setelah anggaran perbelanjaan diluluskan oleh Parlimen, Kementerian Kewangan mengeluarkan waran peruntukan kepada Kementerian-kementerian. Kemudian terpulanglah kepada Kementerian-kementerian menyampaikan waran kepada Jabatan-jabatan di bawah jagaannya.

- (c) Dalam Rancangan Malaysia Kedua, Sabah telah diperuntukkan \$490.77 juta dan sebanyak \$401.23 juta atau 81.9% telah dibelanjakan. Kekurangan pelaksanaan terdapat dalam bidang perumahan, pelajaran, projek-projek S.E.D.C., kesihatan, projek pelabuhan dan bagi lapangan terbang. Peruntukan bagi projek-projek ini tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya kerana beberapa sebab.

TENAGA RAKYAT MAHIR DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

6. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar tentang masalah kurangnya tenaga rakyat mahir yang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri terutama sekali dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga, dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang Kerajaan bercadang hendak ambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan Malaysia Ketiga telah dirangka berdasarkan kepada keupayaan Jabatan-jabatan Kerajaan untuk melaksanakan rancangan-rancangan itu dan Kerajaan memang sedar tentang masalah kekurangan tenaga mahir dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga ini. Untuk mengesan secara tepat jenis tenaga manusia yang diperlukan dan di mana mereka diperlukan dan lain-lain masalah tentang pelaksanaan. Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji masalah ini. Jawatankuasa ini dijangka akan dapat menyiapkan laporannya pada bulan Disember ini.

Di samping itu juga usaha-usaha untuk mengeluarkan pekerja-pekerja mahir terus dijalankan oleh beberapa Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan. Adalah juga dijangka lepasan dari universiti-universiti dalam

negeri ini akan dapat menampung sebahagian besar daripada keperluan tenaga terlatih untuk Rancangan Malaysia Ketiga.

LAPURAN GAJI

7. Tuan Farn Seong Than minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan memberi satu laporan kemajuan ke atas Jawatankuasa Kabinet yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri untuk mengkaji perakuan-perakuan yang dibuat oleh Suruhanjaya Ibrahim Ali ke atas pengkajian gaji untuk pekerja-pekerja di sektor awam.

Timbalan Perdana Menteri (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, sayugia saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pengkajian terhadap sesuatu Laporan Gaji bukanlah satu urusan yang mudah dijalankan, khasnya buat kali ini kajian itu meliputi hampir semua lapisan pekerja-pekerja dalam sektor awam. Perlu juga saya menegaskan bahawa pengkajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kabinet adalah secara menyeluruh untuk meliputi bukan sahaja aspek gaji bahkan juga aspek-aspek lain seperti sekim perkhidmatan, pemindahan gaji, elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan, pencen dan penyemakan kos pelaksanaan sekim gaji dan syarat-syarat perkhidmatan baru itu. Oleh kerana tempoh yang telah diberi kepada Jawatankuasa itu ialah tempoh selama 6 bulan sahaja, maka saya fikir tidaklah wajar dan praktik untuk Kerajaan memberi laporan kemajuan yang dimaksudkan.

GREED TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA I

8. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Perdana Menteri mengapakah seorang Timbalan Ketua Setiausaha II di Kementerian Kewangan yang telah dinaikkan pangkat ke Timbalan Ketua Setiausaha I tetapi grednya ialah masih Superscale B. Adakah beliau sedar bahawa pegawai Timbalan Ketua Setiausaha yang baru bersara grednya ialah Superscale A. Nyatakan sebab-sebab perbezaan dalam gred antara pegawai yang sedang memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha I dan "predecessor"nya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, apabila Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan I yang lama bersara, tugas tugas kerjanya telah dirombak dan sebahagian

daripada tugasnya telah dibahagi kepada pegawai lain untuk meringankan bebanan jawatan itu. Oleh itu, taraf jawatannya telah diturunkan daripada Tingkatan-tertinggi A kepada Tingkatan-tertinggi B dan jawatan itu diisi oleh pegawai lain. Oleh kerana kekananan pegawai yang mengisi jawatan ini lebih rendah daripada pegawai yang memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan II, maka perubahan gelaran jawatan telah dibuat dengan menjadikan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan II yang lama menjadi Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan I, dan jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan I yang lama menjadi Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan II. Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan I yang baharu, adalah menjalankan kerjanya seperti pada masa ia menjadi Timbalan Ketua Setiausaha II dahulu, dengan tidak ada apa-apa perubahan.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar, dahulu pegawai yang memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha I ialah seorang bumiputra dan jawatan itu ialah Superscale A dan Timbalan Ketua Setiausaha II ialah Superscale B dan pegawai itu ialah seorang yang bukan bumiputra. Apabila Timbalan Ketua Setiausaha I bersara dan Timbalan Ketua Setiausaha II dinaikkan kepada Timbalan Ketua Setiausaha I, maka jawatan itu diturunkan daripada Superscale A kepada Superscale B sebab-sebabnya telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Apa yang

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya apa Yang Berhormat? Saya hendak dengar apa soalnya.

Dr Tan Chee Khoon: Apa yang saya bertanya kepada Menteri yang berkenaan ialah ini boleh dimaksudkan diskriminasi oleh pegawai-pegawai lain, bukan di Kementerian Perbendaharaan sahaja tetapi di seluruh perkhidmatan Kerajaan juga. Oleh itu, bolehkah Kementerian tersebut atau Kerajaan mengkaji semula atas kedua-dua jawatan ini supaya tidak timbul kebimbangan di antara anggota-anggota perkhidmatan awam.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, soal diskriminasi tidak berbangkit langsung oleh kerana saya telah menerangkan tadi bahawa selepas bersara Timbalan Ketua Setiausaha I yang lama, gelaran-gelaran dan jawatan-jawatan dalam Perbendaharaan dirombak semula supaya tugas-tugas masing-masing diasingkan dan sekarang ini diadakan tiga jawatan dalam Perbendaharaan dalam Tingkatan Tertinggi B. Diskriminasi tidak langsung berbangkit tetapi peringkat jawatan ini, seperti jawatan-jawatan dalam Kementerian-kementerian yang lain boleh dikaji semula apabila tiba masanya.

SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DI SARAWAK

9. Tun Sibot Miyut anak Tagong minta Menteri pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dijalankan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah rendah luar bandar di Sarawak.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sarawak langkah-langkah yang telah dan sedang dijalankan oleh Kementerian ini ialah membina sekolah-sekolah rendah yang baru, menggantikan sekolah lama, menambahkan bilik-bilik darjah, mengada dan menggantikan alat-alat perabut, membina rumah-rumah guru dan asrama-asrama. Lebih kurang 86% daripada projek pembangunan sekolah rendah yang telah disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua ialah di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak. Ini adalah sejajar antara salah satu daripada objektif utama pelajaran dan rancangan latihan di negeri itu iaitu mengurangkan jurang perbezaan di antara sekolah-sekolah bandar dengan luar bandar dan memperbaiki lagi peluang-peluang pelajaran untuk mereka yang kurang bernasib baik. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga pula dari sejumlah 389 projek yang dicadangkan untuk negeri Sarawak, sebanyak 376 projek iaitu 96.6% akan dilaksanakan di kawasan luar bandar.

PELAJAR-PELAJAR POLITEKNIK UNGKU OMAR

10. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar terdapat rasa tidak puashati yang meluas di antara pelajar-pelajar Politeknik Ungku

Omar terhadap sikap terlampau pihak pentadbiran umpamanya dalam memanggil seorang bomoh ke dalam asrama Politeknik tersebut semasa tunjuk-tunjuk perasaan diadakan oleh pelajar-pelajar dahulu untuk "menjinak" para pelajar; kekurangan pensyarah-pensyarah yang layak; kejatuhan mutu akademik, kelalaian makmal dan bengkel politeknik yang dilengkapkan oleh pihak UNESCO yang telah menjadikan bengkel tersebut sebagai "junk-house" di mana alat-alat yang mahal telah hilang dan mesin-mesin tergendala dan menyatakan tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan di Politeknik tersebut.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar adanya rasa tidak puashati yang meluas di kalangan penuntut di Politeknik Ungku Omar sekarang. Setahu saya penuntut-penuntut sedang belajar dengan baik dan memuaskan. Setahu saya juga tidak ada bomoh dipanggil masuk ke asrama atau kawasan politeknik untuk maksud menjinakkan pelajar-pelajar itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang menjadi amalan orang Islam membaca doa apabila bersyukur terhadap sesuatu kejadian yang baik. Apabila tunjuk perasaan tamat dan penuntut belajar dengan tekun semula, Pengetua telah menjemput seorang alim untuk membaca doa kesyukuran. Tuduhan bahawa membaca doa adalah perbuatan untuk tujuan yang berniat lain sepatutnya tidak harus dibuat.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa kekurangan pensyarah-pensyarah yang layak itu bukanlah begitu besar hingga dapat menjejaskan pelajaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekosongan pensyarah berijazah pada masa ini hanya dua sahaja. Semua pensyarah di politeknik mempunyai kelayakan iktisas yang cukup untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Begitu juga setahu saya tiada kejatuhan mutu akademik di institusi ini. Semua siswazah dapat pekerjaan di swasta dan di jabatan-jabatan Kerajaan. Majikan pada amnya berpuashati dengan kebolehan mereka. Pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi juga dapat memasuki dan mengikuti kursus di Pusat-pusat Pengajian tinggi dengan jayanya.

Yang sebenarnya, tuduhan bahawa bengkel-bengkel telah menjadi sebagai "junk-house" adalah tidak berasas sama sekali.

Alat-alat kelengkapan samada dilengkapkan oleh pihak UNESCO ataupun Kerajaan adalah dalam keadaan yang baik dan boleh digunakan. Pihak pentadbir samada di politeknik ataupun di Kementerian sentiasa memberi perhatian supaya semua keadaan di institusi itu ada dalam keadaan yang baik dan memuaskan.

PELAJAR-PELAJAR ASING

11. Datuk Albert Mah minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar asing yang dihantar balik oleh Kerajaan Malaysia bagi tahun 1970, 1971, 1972, 1973, 1974, 1975 dan 1976.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak pernah menghantar balik (repatriate) pelajar-pelajar asing dari negeri ini.

SIVIK SEBAGAI MATA PELAJARAN WAJIB DI SEKOLAH

12. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan mengadakan matapelajaran sivik sebagai matapelajaran wajib yang khusus ditumpukan kepada perpaduan, cintakan Raja dan Negara, kebersihan jalanraya, disiplin, pertolongan semasa kemalangan supaya mereka itu dilatih bersemangat sivik dari bangku sekolah lagi dan dengan yang demikian matlamat perpaduan akan dapat dicapai dengan lebih cepat lagi.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, matapelajaran sivik dan pendidikan tata rakyat yang sememangnya diwajibkan di sekolah rendah mulai Darjah IV dan di sekolah menengah rendah atau menengah ada meliputi semua aspek-aspek sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu perpaduan, cintakan Raja dan negara, kebersihan jalanraya, disiplin dan pertolongan semasa kemalangan.

PELAJAR ORANG ASLI DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

13. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pelajaran menyatakan, berapa ramai golongan Orang Asli belajar di Institusi Pengajian Tinggi di dalam negeri dan di luar negeri.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terdapat seramai 3 orang pelajar dari golongan orang asli yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi dalam negeri iaitu 2 orang di Universiti Malaya dan seorang di Universiti Pertanian Malaysia. Sementara itu pula seorang lagi pelajar sedang menuntut di Universiti Ohio, Amerika Syarikat.

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

14. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan samada seorang "financial watchdog" akan dilantik untuk mengawal dan mengatur perbelanjaan sebanyak \$18 billion di bawah Rancangan Malaysia Ketiga supaya menentukan setiap ringgit yang dibelanja itu adalah digunakan dengan patut demi kebajikan orang-orang awam.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, memanglah tujuan Kerajaan untuk mengawal perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini supaya perbelanjaan itu akan betul-betul digunakan untuk memberi munafaat kepada rakyat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menegaskan perkara ini dalam Kenyataan akhbarnya mengenai Rancangan Malaysia Ketiga pada 9hb Julai, 1976 dengan menyatakan bahawa "Kerajaan akan memastikan bahawa setiap sen yang dibelanjakan di bawah Rancangan ini akan memberi munafaat kepada mereka yang patut menerimanya". Tetapi adalah difikirkan bahawa tidak perlu seorang "financial watchdog" dilantik untuk maksud itu kerana tanggungjawab ini adalah tanggungjawab Kementerian Kewangan dengan Kerjasama daripada agensi-agensi yang lain. Sebagai satu langkah ke arah ini Kementerian saya telah mengadakan satu seminar dalam bulan September yang lalu bagi semua Pengawal-pengawal Kewangan di Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan Pusat, Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai-pegawai Kewangan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membincangkan perkara ini dan menekankan tanggungjawab-tanggungjawab mereka mengenai hal ini. Langkah-langkah yang lain untuk mengemaskan

pengawalan ini adalah sedang dikaji oleh Kementerian saya, dan saya sendiri memberi perhatian yang penuh terhadap perkara ini.

KERETA PERISAI PANHARD

15. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan Kereta Perisai Panhard pihak Tentera Darat telah dibeli, tarikh Kereta-kereta Perisai itu akan disampaikan dan mengapa Kereta-kereta Perisai tersebut telah menjadi lapuk dan tidak boleh digunakan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kereta Perisai Panhard yang telah dibeli ialah sebanyak 44 yunit dan kesemuanya telah diterima antara bulan Ogos, 1972 dan bulan Jun, 1974. Seperti juga kenderaan-kenderaan lain, kereta-kereta Perisai Panhard telah mengalami beberapa kerosakan akibat dari kegunaan oleh Angkatan Tentera dan dengan itu perlu diperbaiki dari semasa ke semasa. Masaalah besar yang dihadapi dalam kegunaan kereta-kereta perisai ini adalah dalam alat-alat ganti. Kereta-kereta perisai tersebut adalah masih di dalam penggunaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini kenapa siasatan yang dijalankan oleh Biro Siasatan Negara ke dalam pembelian-pembelian kereta Perisai Panhard ini tidak berhasil. Adakah siasatan ini telah ditutup?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu bagaimana soalan itu boleh timbul. Itu soalan lain.

DASAR BARU PERTANIAN

16. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Pertanian menyatakan samada Kerajaan akan menimbang membuat peraturan Dasar Baru Pertanian keuntungan untuk memberi faedah kepada petani-petani kecil semua kaum di seluruh negara yang termasuk pembahagian tanah, memberi subsidi mengajar cara baru bertani dan agro-economics.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, soal memberi keutamaan kepada petani-petani kecil daripada semua kaum seperti memberi subsidi, mengajar cara-cara baru bertani dan sebagainya memang telah menjadi dasar Kementerian Pertanian. Oleh itu, soal membuat peraturan dan dasar baru sebagaimana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat ini tidaklah timbul lagi kerana telah diamalkan selama ini.

Berhubung dengan pengeluaran dan pemberian tanah-tanah, Ahli Yang Berhormat hendaklah sedar bahawa kuasa ini di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

PENGGANTIAN KETUA TURUS TENTERA UDARA/LAUT

17. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Pertahanan menyatakan samada rancangan hendak menggantikan Ketua Turus Tentera Udara dan Ketua Turus Tentera Laut pada 1-1-1977 itu benar, jika benar siapakah penggantinya.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengemukakan jawapan kepada soalan yang sama di Dewan ini pada 26hb dan 27hb Oktober dahulu. Oleh sebab itu, saya tidak akan mengulangi jawapan itu.

PROFESSOR SHAROM AHMAD

18. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Professor Sharom Ahmad dari Universiti Sains Pulau Pinang adalah seorang warganegara Malaysia jika ya, nyatakan tarikh beliau memohon untuk mendapatkan sijil kewarganegaraan dan tarikh permohonan beliau itu dilulus dan di bawah peruntukan undang-undang kewarganegaraan manakah permohonan beliau itu diluluskan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, Professor Sharom Ahmad ialah seorang warganegara Malaysia dengan cara kemasukannya di bawah Perlembagaan, Perlembagaan 19 (2) mengikut Perlembagaan. Permohonan beliau telah dibuat pada 31hb Mac, 1975 dan telah diluluskan pada 16hb Jun, 1975.

KENYATAAN SETIAUSAHA MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

19. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, memandangkan kenyataan yang dibuat di dalam suatu akhbar tempatan oleh Setiausaha Majlis Keselamatan Negara bahawa pengganas-pengganas kominis sedang mengumpulkan kekuatan anggota bersenjata mereka, apakah tindakan yang Kerajaan telah ambil atas perkara ini dan samada ini boleh dianggap suatu kesalahan di bawah Akta Senjatapi.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai maklumat bahawa P.K.M. (Parti Kominis Malaya) mempunyai rancangan untuk memulakan semula perjuangan bersenjata untuk mengambilalih kuasa dari Kerajaan dengan cara kekerasan mengikut arahan tahun 1968—arahan daripada Parti Kominis Malaya. Oleh itu, mereka berusaha di antara lain mendapatkan rekrut-rekrut baru untuk yunit penggempornya dan juga bahagian bawah tanah (underground movement). Yunit pengempor ialah yunit yang beruniform dengan menggunakan senjata dan bahagian bawah tanah ialah perantaraan untuk menghubungi rakyat bagi mendapatkan sokongan dan bekalan dan mereka ini ada yang bersenjata dan ada yang tidak.

Kerajaan sentiasa mengambil berbagai-bagai tindakan untuk menghapuskan semua anasir-anasir kominis, baik daripada segi yunit pengempor atau bahagian bawah tanah ataupun daripada barisan pelemahnya. Dalam tindakan ini bukan sahaja melibatkan pasukan bersenjata bahkan juga rakyat ramai melalui pertubuhan-pertubuhan seperti RELA, Rukun Tetangga dan Yunit Keselamatan Kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, sesiapa yang memiliki senjatapi tanpa kebenaran adalah salah dan hukumannya sudah diperuntukkan atau ditetapkan di dalam Akta Senjatapi dan juga Akta Keselamatan Dalam Negeri Tahun 1960.

PERSIDANGAN BERKECUALI DI SRI LANKA

20. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kejayaan Malaysia dalam menge-

mukakan Rancangan kawasan awam, bebas dan berkecuali di persidangan negara-negara berkecuali di Sri Lanka baru-baru ini dan apakah masaalah yang tidak dapat dipecahi dan kenapa. Apakah langkah seterusnya untuk menjayakan rancangan yang berguna ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat pada jawapan saya yang telah diberikan kepada soalan 12 pada 26hb Oktober, 1976, yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, maka saya rujukkan kepada jawapan itu.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menulis surat kepada saya hendak buat satu permohonan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini kerana membincangkan satu perkara yang penting pada orang ramai yang berkehendak disegerakan. Dijemput.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dengan sedih hati saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pada pagi ini iaitu pada pukul 2.20 di rumahnya

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah Yang Berhormat buat ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah perkara yang saya mahu

Tuan Yang di-Pertua: Dengan ringkas.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Bahawa pagi ini pukul 2.20 minit di rumahnya di Ipoh, Yang Berhormat Ahli dari Batu Gajah, saudara Chian Heng Kai telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan pada pagi ini juga pada pukul 4.00 saudara Chan Kok Kit, Penolong Bendahari Kebangsaan telahpun ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di rumahnya di Kuala Lumpur. Saya baru-baru sahaja ini mendengar bahawa saudara Kassim Ahmad pemimpin P.S.R.M. pun telah ditahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk tujuan merundingkan perkara tertentu ini iaitu:

“Satu perkara segera, tertentu dan kepentingan orang ramai kerana penahanan seorang Ahli Parlimen ketika sedang Parlimen berjalan adalah bertujuan untuk menghalang perjalanan Parlimen, satu penghinaan (contempt) terhadap Parlimen dan penafian hak Yang Berhormat Chian Heng Kai untuk menjalankan tugas-tugas Parlimennya dan juga menafikan sumbangan-sumbangan Parlimen yang Yang Berhormat Chian Heng Kai boleh menyumbangkan di dalam Parlimen dan juga merupakan satu penghalangan terhadap proses Parlimen dan segala rukun-rukun dan konvensen-konvensen Parlimen yang biasa diterima yakni seorang Ahli Parlimen semasa sidang Parlimen diadakan tidak patut dihalang daripada melaksanakan tugas-tugasnya sebagai seorang Ahli Parlimen. Tambahan pula, penahanan Yang Berhormat Chian Heng Kai dan Chan Kok Kit adalah dengan jelasnya menafikan hak-hak asasi sebuah parti Pembangkang yang demokratik yang hanya boleh melemahkan kepercayaan orang ramai terhadap sistem demokrasi berparlimen dan juga memperkukuhkan kuasa-kuasa pemecahan di negara kita.”

Saya minta membawa cadangan usul ini oleh kerana sungguhpun ada perbincangan Budget, perkara ini adalah segera, dan satu pengumuman dari Menteri yang berkenaan mengenai perkara yang penting ini mesti dibuat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini jam pukul 10.20 saya telah menerima satu pemberitahu daripada Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka (Ketua Pembangkang), mengikut Peraturan 18 (1) berkenaan dengan penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, sebagaimana beliau telah sebut tadi, Ahli Parlimen D.A.P. bagi kawasan Batu Gajah Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai.

Sehingga masa ini saya sendiri sebagai Speaker Dewan tidak menerima apa-apa laporan rasmi berkenaan dengan penahanan dan penangkapan daripada mana-mana pihak yang berkuasa. Sekiranya pun saya dapat tahu dengan jalan rasmi, sebelum

daripada saya boleh menimbangkan adakah boleh diluluskan atau dikemukakan kepada Dewan patut diluluskan penangguhan Dewan ini untuk membahaskan perkara ini, saya kena puas hati atas tiga perkara pati ataupun inti-inti yang kena ditimbangkan supaya boleh kita membawakan perkara ini kepada Dewan.

Pertamanya, perkara ini ialah perkara tertentu. Jika sekiranya Yang Berhormat Ahli dari Batu Gajah sebenarnya ditangkap, betullah saya bersetuju perkara tertentu sebab dia bersangkutan dengan satu orang.

Yang keduanya, perkara ini berkenaan dengan kepentingan orang ramai. Ini sekiranya pun Ahli Yang Berhormat itu telah ditahan atau kena tangkap, saya sendiri tidak tahu apa dia sebabnya Yang Berhormat kena tangkap. Adakah orang ramai tahu apa-apa sebabnya. Jadi, syarat ini tidak dipenuhi pada pandangan saya.

Yang ketiganya, kenalah perkara ini kalau disegerakan, perkara yang wajib patut disegerakan. Jadi, sekiranya pun benarlah Ahli Yang Berhormat itu telah ditahan ataupun kena tangkap benda ini atau perkara ini adalah perkara dalam tangan pihak yang berkuasa. Setakat mana kita hendak segera kita tidak tahu lagi apa dia siasatankah, apakah, pemeriksaankah, kita tidak tahu lagi. Jadi, oleh kerana sebab-sebab itu saya rasa permohonan Yang Berhormat itu tidak boleh saya luluskan, kerana saya sendiri tidak puas hati lagi bolehkah kita bahaskan dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu. Saya belum habis lagi. Dan saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada salah faham mengatakan tidak boleh Ahli Parlimen ditahan atau ditangkap pada masa Parlimen bersidang. Peraturannya tidak boleh ditangkap seorang Ahli Parlimen kalau dalam Dewan ini. Jikalau seorang Ahli Parlimen, Ahli Dewan Rakyat atau Senator membuat salah di mana-mana di luar tidak terlepas beliau itu daripada kena tunduk kepada apa-apa undang-undang negeri, cuma tidak boleh mata-mata datang ke Dewan ini tangkap seorang Ahli Parlimen. Itu barangkali Yang Berhormat tidak faham sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada di sini

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah, saya akan putuskan, ini tak payah berbahas lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu tidak payah berbahas tetapi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada di sini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada juga berada di sini, tentu mereka boleh mengesahkan penahanan ini . .

Tuan Yang di-Pertua: Itu hal mereka.

Tuan Lim Kit Siang: Mereka tahu, mereka boleh terangkan di sini, mereka bukan patut diam.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi sebagaimana yang telah saya putuskan, saya tidak puas hati dan saya tolak permohonan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kesal bahawa satu perkara yang amat penting ini tidak diberi peluang untuk dibincangkan, semua orang tidak tahu tentang hak asasi seseorang dan kemuliaan (dignity) Parlimen ini. Sebagai satu protest, kami "walk-out" daripada Dewan ini.

(Ahli-ahli D.A.P. dan Pekemas keluar dari Dewan).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (2hb November, 1976).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul

yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,694,337,589 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1977, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan-kepala itu di ruangan lima dan enam senarai tersebut. (2hb November, 1976)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada petang semalam bila Dewan ditangguhkan, Ahli Yang Berhormat dari Dungun sedang membuat ucapan beliau. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat itu menyambung ucapannya.

3.13 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung sedikit ucapan saya semalam berhubung dengan belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan beberapa hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa sesungguhnya kejayaan-kejayaan pihak Kerajaan ataupun pihak Kementerian yang berkenaan yang mencatatkan lebihan hasil nisbah anggaran tahun 1976 sebanyak 8.6% adalah satu perkara yang menggembarakan. Ini kita perlu mengucapkan terima kasih kepada pihak pegawai-pegawai kita dari Perbendaharaan yang telah menjalankan kerja kuatnya untuk kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyatakan tentang sokongan saya dan sebahagian besar rakyat di negeri ini di atas langkah Kerajaan selama ini dan juga dalam mengemukakan belanjawan pada tahun akan datang yang menitikberatkan tentang keselamatan negara. Dan ini adalah satu amanah yang penting yang diberi oleh rakyat kepada Kerajaan untuk menjaga kepentingan orang ramai dan menjaga

negara kita ini dari diancam oleh anasir-anasir yang tidak diinginkan. Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong penuh di atas sikap tegas yang dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pihak Kerajaan yang mengambil tindakan-tindakan yang disukai oleh orang ramai samada ianya tidak digemari oleh golongan-golongan yang tertentu sebagaimana yang kita lihat baru sekejap tadi di mana ada beberapa orang yang tidak suka keamanan berlaku dalam negeri ini telah membuat cadangan-cadangan yang bermacam-macam untuk merosakkan keamanan, tetapi dengan sikap tegas yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia maka insya Allah pada masa yang akan datang keselamatan negara akan tetap terjamin dan insya Allah rakyat 100% memberi sokongan kepada Kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri kita. Saya rasa perkara ini tidak payah kita bimbang lagi kerana di belakang kita rakyat terdiri daripada orang-orang Melayu dan bumiputra samada di dalam dan di luar bandar adalah menyokong penuh di atas hasrat menjaga keselamatan ini, kerana kalau mengikut hukum Islam maka ternyata dalam satu ayat Quran: "al-kisa-suhaya-ton-ya-ullit-albab" iaitu bunuh balas itupun adalah ertinya hidup hai orang-orang yang berakal. Ini untuk kepentingan umat dan untuk kepentingan bangsa, maka sewajarnya tindakan-tindakan tegas perlu diambil kepada anasir-anasir yang merosakkan kepentingan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pula berkaitan dengan belanjawan tahun 1977 yang berjumlah \$10,995.9 juta di mana \$6,301.6 juta ialah untuk pengurusan manakala \$4,694.3 juta bagi pembangunan. Angka ini memang sungguh tinggi jika dinisbahkan di tahun-tahun yang lalu dan saya rasa pihak Kerajaan akan dapat memperolehi angka ini untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan bagi kepentingan rakyat sebagaimana yang dirancangan mengikut Rancangan Malaysia Ketiga. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca nisbah tahun 1976 bahawa di antara belanja-belanja pengurusan yang besar ialah pembayaran gaji di mana 46% darinya ialah peruntukan bagi maksud itu. Ini kadang-kadang perlu diperhatikan juga kerana kenaikan-kenaikan ini mesti diimbangkan dengan kehendak rakyat, diimbangkan

dengan keadaan-keadaan orang kampung, kadang-kadang kaum tani dan kaum nelayan yang ada dalam negeri kita ini. Saya tidak menentang kenaikan yang adil dan wajar mengikut yang sepatutnya tetapi perhatian perlu diberi kepada orang-orang kampung yang saya sebutkan tadi yang mana sehingga ini apa yang saya tahu seramai 1.6 juta sebahagian besarnya adalah miskin di mana purata 74% yang miskin di Semenanjung Tanah Melayu adalah terdiri daripada bumiputra ataupun terdiri daripada orang-orang Melayu. Ini harus diperhatikan oleh semua pihak agar perasaan pertimbangan yang benar-benar adil dibuat oleh pihak kita dalam melaksanakan dan menunaikan kehendak-kehendak kita dari satu masa ke satu masa. Dalam buku Laporan Ekonomi sendiri telah ketara kepada kita bahawa sesungguhnya berkenaan dengan pembahagian pendapatan purata isi rumah tahun 1970 Semenanjung Malaysia di mana orang-orang Melayu adalah berpendapatan paling kecil sekali jika dibandingkan dengan orang-orang lain iaitu sebanyak \$172 sebulan. Ini kita tidak bandingkan dengan kaum tani dan nelayan yang ada berselerak di negara kita. Jadi, ini perlu diperhatikan oleh semua pihak samada oleh pihak Kerajaan oleh pihak parti-parti dan juga oleh pihak kesatuan-kesatuan yang terlibat dengan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh hal yang lain pula, saya ingin menyebut berkenaan dengan pertanian. Oleh sebab kawasan saya terdiri dari kawasan-kawasan pertanian, maka sudah tentu saya mesti menyebut hal ini. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, banyak rancangan-rancangan yang telah diberi untuk pertanian, tetapi kadang-kadang kita berasa mengeluh juga kerana sebahagian besar daripada belia-belia berat kaki untuk melibatkan diri dalam bidang pertanian. Saya berani memberi contoh, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan belia di Pantai Timur seperti di Kelantan, di Trengganu di mana banyak belia-belia mencari pekerjaan di luar-luar daripada negeri itu seperti pergi ke Singapura dan pergi di luar negeri. Kita tidak boleh memarahi mereka yang mahu mencari pendapatan lebih. Masaalahnya, Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan rancangan pertanian yang telah kita rancangan dan kita jalankan, tetapi kehendak-kehendak mereka tidak sesuai dengan apa yang kita rancangan. Saya nampak, pihak belia-belia kita ini

lebih gembira sekiranya sistem pertanian ini dimodenkan dan tidak sebagaimana sistem yang ada pada hari ini yang sentiasa menggunakan cara lama juga. Cadangan saya ini berdasarkan kepada orang-orang muda kita, belia-belia kita yang suka pergi bekerja di kilang-kilang samada di dalam negeri ataupun di luar negeri, kerana di kilang-kilang itu banyak menggunakan mesen, menggunakan jentera tidak seperti membuat kerja pertanian yang semata-mata menggunakan tulang empat kerat. Jadi dengan ini saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan memikirkan masalah memodenkan pertanian ini dengan membanyakkan penggunaan mesen.

Kalau kita lihat kepada setengah-setengah negeri yang lebih maju dalam bidang pertanian mereka menggunakan mesen untuk membajak, mereka menggunakan mesen untuk menuai, mereka menggunakan mesen untuk menyiram. Di negeri kita ini belum ada lagi, oleh sebab negeri kita ini telah menuju ke arah negeri yang maju, maka sewajarnya kita menekankan ke arah menjenterakan kerja-kerja pertanian kita agar ia menjadi sebahagian dari jenis perdagangan supaya dapat keuntungan yang lebih segera dan lebih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang lain ingin saya menyebut pula berkenaan dengan hal pemasaran. Kebanyakan di masa yang lalu kadang-kadang kita menggalakkan orang-orang bertanam tetapi kita kurang berjaya dalam bidang pemasaran, saya tahu ada lembaga-lembaga yang mengambil perhatian dalam hal ini tetapi kejayaannya kurang. Saya berani menyebut beberapa contoh, dalam tahun 1976 ini di mana banyak pengeluaran-pengeluaran buah-buahan, tanam-tanaman oleh petani-petani kita tetapi kebanyakannya terbuang begitu sahaja, kerana tidak ada pasaran. Sepatutnya kita gembira bila banyak sangat, tetapi sekarang tidak. Bila banyak sangat terpaksa terbuang sahaja, sebab tidak ada pasaran. Jadi, saya meminta perhatian dalam hal ini dan jika perlu saya cadangkan supaya diusahakan jenis pengilangan, usaha mengilang di atas tanam-tanaman yang kita keluarkan seperti kita keluarkan banyak rambutan, kita mesti mengujudkan kilang-kilang mengetin rambutan, tidak payah kita impot daripada Thailand. Sekarang ini banyak sangat saya nampak di kedai-kedai ada jeruk rambutan

tetapi kebanyakannya daripada Thailand. Sekarang ini pihak Kementerian harus memikirkan bagaimana usaha ini harus dilakukan segera sesuai dengan kehendak orang ramai. Tuan Yang di-Pertua, ini satu contoh sahaja. Dan contoh ini saya teruskan lagi seperti kacang tanah. Kita mesti ujudkan kilang-kilang kacang tanah supaya pengeluaran yang datang daripada petani mesti kita dapat proseskan dan kita dapat bayar segera. Kita tidak hendak berlaku seperti setengah-setengah tempat bila petani menghantar 50 pikul diambalnya hanya 20 pikul sahaja, yang lain itu dijual keluar, sudahlah begitu, kadang-kadang bayarannya lambat tidak seperti di kalangan perniagaan dan perdagangan yang bayar cepat. Ini harus diperhatikan oleh pihak yang berkenaan agar perasaan kaum tani ini dapat dibela kerana mereka tidak dapat gaji daripada mana-mana.

Selain daripada itu, ingin saya menyebut juga berkenaan dengan kaum nelayan. Saya ingin mengambil perhatian berkenaan dengan nelayan, kerana negeri kita ini ramai betul kaum nelayan. Kalau tidak silap 80,000 kaum-kaum nelayan yang ada di dalam negeri ini dan kebanyakannya di Trengganu. Jadi ini satu masalah. Kalau kita lihat kepada rumah-rumah merekapun nyata kaum nelayan itu memang banyak yang miskin, banyak benar yang miskin. Kalau baca buku mana-mana sekalipun memang kaum nelayan ini adalah terdiri dari golongan yang miskin. Sehingga ini kejayaan kita di dalam membela mereka ini belum puas hati lagi. Saya tidak nafikan kita telah ada membuat rancangan-rancangan untuk kaum nelayan tetapi keadaannya banyak yang tidak memuaskan.

Jadi saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan Negeri harus mendirikan kilang-kilang di kawasan-kawasan nelayan, kalau ada kilang mereka mesti pergi bekerja di kilang-kilang, kerana, Tuan Yang di-Pertua bukan mereka suka sangat hendak pergi ke laut menangkap ikan, tetapi mahu tidak mahu pergi kerana untuk mencari makan. Kalau sekiranya ada kilang didirikan di kawasan mereka, kawasan nelayan ini sudah tentu mereka akan berpindah bekerja di kilang yang tersebut.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sebaik-baiknya kilang ialah kilang yang berkaitan dengan hal perikanan, membuat baja, dan membuat sardin, dan sebagainya mengikut ahli-ahli kajian kita yang ada di negara kita. Inilah cadangan saya demi kepentingan nelayan selain daripada kita ambil sebahagiannya untuk diserapkan di dalam rancangan-rancangan tanah, kerana saya nampak untuk diserapkan dalam rancangan tanah pun terlampau lambat. Tidak dapat menampung dengan pertumbuhan anak-anak kaum nelayan ini dengan rancangan yang kita buat itu tidak sempat, jadi mesti kita ujudkan kilang-kilang di kawasan-kawasan nelayan untuk mereka dapat bekerja di situ di samping kita memodenkan MAJUIKAN dengan rancangan-rancangannya yang tersendiri. Saya setuju dengan rancangan-rancangan yang ada dibuat di MAJUIKAN tetapi hal lain mesti dijalankan juga.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh sedikit berkenaan dengan pelajaran ini berkait dengan pelajaran agama, bukan soal poteng sekolah, ponteng sekolah ini nampaknya telah dibuat kajian dan saya harap kajian itu akan membaiki hal itu. Apa yang saya hendak sebut di sini ialah berkaitan dengan pelajaran agama. Sekarang ini pada saya tidak memuaskan, khasnya pelajaran agama di sekolah-sekolah menengah atas, bukan sekolah rendah, sekolah menengah bawah. Sekolah menengah atas dan di peringkat pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini nampaknya dititik-beratkan pelajaran agama hanya di bahagian ibadat sahaja, kurang benar dititik-beratkan dalam bahagian-bahagian lain. Jadi, saya lebih gembira sekiranya pihak Kementerian yang berkenaan menitik-beratkan pelajaran agama ini kepada Pusat-pusat Pengajian Tinggi dan sekolah-sekolah menengah atas dalam bidang-bidang lain iaitu dalam bidang ekonomi, bidang moral, bidang sosial dan sebagainya, sebab agama Islam meliputi semua, saya rasa tidak seperti agama-agama lain yang tidak ada melibatkan dalam bidang-bidang yang saya sebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya nampak kalau seorang yang lulus di dalam bidang ekonomi, kalau kita membicarakan Jerkenaan dengan Islam kadang-kadang dia gelap tidak nampak. Demikian juga kalau

seorang yang lulus di dalam bidang undang-undang, kalau kita membicarakan berkenaan dengan undang-undang Islam mereka juga gelap. Ini bukan masaalah setuju atau tidak —itu lain.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kita wujudkan pelajaran ini untuk dibincangkan oleh mereka di sekolah-sekolah tinggi dan di universiti-universiti apakala mereka keluar, maka perbincangan boleh dijalankan dengan keadaan yang cerah. Dan diharap semua akan bersetuju samada yang beragama Islam ataupun yang tidak beragama Islam, sebab ini adalah untuk kepentingan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah membicarakan hal ini dengan beberapa orang yang menjadi ahli di dalam bidang ekonomi, tetapi kebanyakan daripada mereka apakala membicarakan berkenaan ekonomi yang dia nampak ialah perbezaan antara prinsip ekonomi capitalist, prinsip ekonomi socialist dan prinsip ekonomi kominis. Jadi jarang benar daripada intellectual kita yang ada mempunyai ijazah dalam bidang-bidang pelajaran ekonomi ini memikirkan apakah prinsip ekonomi Islam. Ini tidak boleh disalahkan mereka kerana mereka belum belajar ataupun belum study berkenaan dengan hal ini samada di luar ataupun di dalam universiti. Kita sebagai Kerajaan harus mengwujudkan pengajaran ini supaya mereka dapat berbincang dan berfikir sama tentang kebaikan undang-undang Islam, kebaikan ekonomi Islam, moral ataupun muamalat masyarakat Islam dan lain-lain supaya boleh dibincangkan dan dibandingkan, mana yang difikirkan patut dijalankan sekarang perlu dijalankan dan yang lain itu dikemudiankan. Ini kalau sekiranya orang-orang ini tahu apa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ada setengah negeri lain yang telah menjadikan pelajaran agama wajib di universiti-universiti bukan pelajaran agama untuk ibadat sahaja, bahkan untuk semua perkara. Ertinya, kalau dia hendak mengambil bidang ekonomi maka satu mata-pelajaran yang mesti diambil ialah agama Islam. Demikian juga kalau bidang undang-undang, maka matapelajaran agama Islam mesti juga dimasukkan sama. Kalau sekiranya dapat kita buat di negeri kita amat baik. Tuan Yang di-Pertua, benteng untuk menahan seorang daripada menjadi kominis ataupun mengikuti fahaman kominis adalah Islam sahaja, sebab musuh utama kominis

ialah Islam. Sekiranya seorang itu mengikuti undang-undang Islam samada aqaidnya ataupun hukumnya, insya Allah, mereka tidak akan jadi komunis. Kita memang tidak suka negeri kita menjadi komunis kerana bertentangan dengan dasar kita iaitu dasar Rukunegara, juga bertentangan dengan pemerintahan negeri kita yang mendaulatkan Raja iaitu sebagaimana yang kita amalkan turun-temurun. Saya rasa pengajaran Islam ini memang penting benar untuk kepentingan negara kita, Raja dan juga rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan berkenaan dengan satu perkara lagi iaitu berkenaan dengan Akta Penyelarasan Perindustrian yang sebok disebutkan oleh beberapa pihak, samada Dewan Perniagaan, parti politik dan sebagainya, seolah-olah Akta Penyelarasan Perindustrian itu yang menyebabkan negeri ini tidak maju ataupun mundur dan orang tidak mahu datang untuk menanam modal di negeri ini. Ini adalah gambaran yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tertentu sedangkan kita tahu Akta itu dicipta oleh pihak Kerajaan untuk menarik perhatian di dalam bidang penanaman modal. Tidak sebebas-bebasnya sebab manusia mana sekalipun mesti ada kawalan dan mesti ada undang-undang yang diikuti oleh semua pihak. Naik basikal pun ada undang-undang, memandu kereta juga ada undang-undang dan membuat kilang pun perlu ada undang-undang. Jadi Akta Penyelarasan Perindustrian ini amat baik sekali untuk negeri kita ini. Cuma orang-orang yang tidak suka kepada satu-satu perkara yang ditonjolkan sedikit-sebanyak oleh Kerajaan supaya orang bumiputra melibatkan diri dalam bidang perindustrian ini. Inilah yang menyebabkan sebok benar mereka menentang Akta Penyelarasan Perindustrian ini.

Saya harap pihak Kerajaan janganlah takut dengan ugutan-ugutan mereka ini kerana Akta ini telah diluluskan oleh Parlimen dan telah disokong oleh rakyat negeri ini, cuma implementnya sahaja menunggu dari satu masa ke satu masa. Kalau hendak dipindahkan pindalah benda-benda yang tertentu sahaja tidak melibatkan dasar atau objectivenya di mana rakyat telah menyokong mengenai kehendak-kehendaknya itu. Sebagaimana yang kita tahu banyak ahli daripada parti Pembangkang khususnya dari parti D.A.P. dan parti PEKEMAS telah

menyuarakan mengenai bangkangannya terhadap akta ini. Saya rasa tidak payah didengar sangatlah tentang bangkangan mereka ini kerana mereka menyuarakan bagi satu pihak sahaja.

Selain daripada itu, saya ingin menyebutkan sedikit berkenaan dengan Kementerian Undang-undang iaitu berkait dengan undang-undang moral. Dahulu saya telah mendengar sebok benar berkenaan dengan undang-undang moral ini yang dibicarakan oleh pihak Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara yang mengatakan bahawa beliau akan mengemukakan undang-undang ini di dalam Dewan yang mulia ini tidak berapa lama lagi. Tetapi selepas itu senyap sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil perhatian bilakah undang-undang ini hendak dibawa, jadi atau tidak? Sudah digubal atau belum? Inilah pandangan saya berkenaan dengan hal ini.

Saya juga mencadangkan supaya pihak Kerajaan di bawah Kementerian ini menuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji bagaimana sedikit-sebanyak undang-undang Islam boleh dimasukkan di dalam undang-undang negara kita. Saya rasa ahli Jawatankuasa ini boleh kita lantik dari pihak Kementerian yang berkenaan sendiri dan juga daripada pihak universiti-universiti yang ada pengajaran dalam bidang ini seperti Universiti Kebangsaan yang mana ada beberapa orang yang pakar di dalam bidang perundangan Islam boleh dicampurkan hal ini untuk kepentingan negara kita di masa akan datang. Saya cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya diambil perhatian oleh pihak Peguam Negara di masa akan datang.

Saya juga ingin menyebutkan pula berkenaan dengan satu perkara yang saya rasa kecil tetapi perlu juga disebutkan di Dewan yang mulia ini iaitu sistem pemberian teksi. Sekarang ini sistem ini banyak diberi kepada kompeni, jadi ini tidak menyenangkan pihak pemandu-pemandu teksi kita kerana kebanyakan mereka hanya mengambil upah sahaja, jadi amat baik sekiranya sistem pemberian teksi ini untuk pemandu teksi sahaja. Ini saya rasa baik, kerana pertama sekali teksi boleh jadi cantik, kalau kompeni selalu dia hanya memikirkan masalah keuntungan sahaja. Saya cadangkan supaya

teksi diberi kepada pemandu teksi sahaja. Perkara ini banyak berlaku di mana mereka telah bekerja berpuluh-puluh tahun tetapi hanya memandu teksi orang lain. Saya harap dapat diambil perhatian di dalam hal ini.

Akhirnya, saya dengan rasa sukacita menyokong di atas Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan beberapa hari yang lalu.

3.39 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 29hb Oktober, 1976 baru-baru ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau di atas kecekapannya sungguhpun inilah pertama kalinya beliau menyandang jawatan sebagai Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Anggaran Belanjawan, 1977 ini adalah berpatutan oleh kerana tidak memberatkan orang-orang yang berpendapatan rendah, terutama sekali petani-petani dan nelayan-nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini semua rakyat berasa gembira kerana dapat mendengar dan melihat secara terus-menerus melalui talvisyen ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya tegaskan iaitu Perbekalan yang kita sama-sama membahaskan di Dewan yang mulia ini ialah semata-mata untuk kebaikan rakyat dan negara keseluruhannya. Ini bererti di dalam pembentukan Dasar Ekonomi Baru di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini tentu sekali mendapat kebahagiaan kita bersama walaupun dinafikan oleh pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun begitu sukalah saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri di dalam ucapannya iaitu Belanjawan tahun ini akan dilaksanakan dengan cara bersesuaian iaitu projek-projek yang hendak dirancangkan itu mestilah dengan cermat dan tidak membazir. Ini bererti tiap-tiap jabatan yang bertanggungjawab akan melaksanakan tugas-tugas mereka di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dengan perasaan insaf dan dedikasi supaya nikmat pembangunan dapat dikecap oleh semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat dengan mata kita sendiri di segi perbezaan kenaikan harga barang di antara tahun 1974, 1975 dengan tahun 1976 ini. Komplot sorok tidak begitu berani menyorok barang-barang keperluan harian lagi kerana boleh dikatakan kawalan dari pihak Kerajaan bertambah baik tetapi tentang minyak tanah atau minyak gas mas.h lagi tidak dapat dibeli dengan senang atau secukupnya. Kedai-kedai masih menjual dengan cara botol dan itupun susah dapat. Kadang-kadang sampai dua tiga hari tidak ada minyak tanah di kedai-kedai runcit. Saya harap Kerajaan dapat menyiasat tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Anggaran Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini, antara lain, memberi pemberansangan yang baik kepada pelaburan (investment). Saya khuatir bahawa sekali lagi negara kita akan menghadapi inflasi yang besar. Walaupun Yang Berhormat Menteri mempunyai cara-cara untuk mengatasi inflasi, namun salah satu cara yang mempunyai bahaya besar ialah bagi mengawal kenaikan harga barang-barang termasuk juga barang-barang keperluan "essential goods". Apakah akan jadi bila negara menjadi lebih makmur dan rakyat mempunyai banyak wang, kuasa membeli (purchasing power) yang ada pada mereka melalui kerja-kerja dan jawatan-jawatan yang dihasilkan oleh penubuhan kilang-kilang atau industri-industri atau syarikat-syarikat perdagangan dan lain-lain melalui pelaburan asing yang digalakkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam teori ekonomi kita sebut "too much money chasing few goods".

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa bendanya itu, menggunakan bahasa Inggeris tanpa izin?

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, wang terlampau banyak tetapi barang-barang tidak ada. Ini menyebabkan barang-barang itu akan naik harga yang melambung tinggi. Bagi orang yang ada wang maka kenaikan itu tidak menjadi berat, tetapi bagi rakyat biasa seperti nelayan, penoreh getah, petani dan lain-lain seperti buruh kasar yang pendapatannya amat murah akan menerima akibat daripada inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak sentuh di sini ialah masaalah kenaikan cukai-cukai. Saya tidak faham mengapa cukai arak atau minuman keras ini tidak dikenakan cukai 100% kerana arak adalah merupakan satu punca bahaya dan jenayah seperti juga dadah dan lain-lain. Kita semua maklum bahawa Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan satu risalah bernama "Jenayah Arak" tetapi Kerajaan juga di satu saat lain tidak mahu mengharamkan minuman arak. Kalaulah Jabatan Perdana Menteri sendiri telah mengakui bahaya dan jenayah arak itu, mengapa pula sekurang-kurangnya cukai arak tidak dinaikkan 100% kalau tidak pun mengharamkannya sama sekali?

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan cukai kepada kenderaan kecil seperti motosikal dan lain-lain itu adalah tidak kena dan tidak menasabah.

Bercakap tentang duti rokok iaitu tambahan 15 sen satu paun, ini patut dinaikkan supaya kurang sedikit bilangan orang yang menghisap rokok kerana di masa ini sangat ramai penuntut atau murid-murid sekolah menghisap rokok. Mula-mula mereka hisap rokok, lepas itu merebak kepada menghisap barang lain. Pertama bahayanya kesihatan terganggu, keduanya inilah anak tangga kepada penghisapan ganja-dadah dan lain-lain yang lebih berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lalu saya telah bercakap tentang kenaikan alat-alat solek dan buah-buahan, tetapi syukur Alhamdulillah tahun ini barang-barang ini tidak disebutkan lagi. Kalaulah dinaikkan lagi cukai, tak payahlah pakai bedak dan makan buah-buahan lagi.

Selain dari itu, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kemurahan hatinya memberi beg-beg untuk Ahli Parlimen. Tetapi sayang seribu kali sayang, beg yang begitu cantik dicapnya dengan gambar Parlimen. Apatah salahnya dicapkan serupa dengan crest kereta iaitu gambar lambang harimau berjuang? Bukankah elok, sama sahaja beg dengan crest motokar. Tuan Yang di-Pertua, apa pula bezanya Menteri dengan Ahli Parlimen? Bukankah Menteri

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti beg yang kedua boleh pakai crest. (*Ketawa*)

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, bukankah seseorang Menteri itu mesti menjadi Ahli Parlimen terlebih dahulu sebelum ianya diangkat menjadi Menteri atau Timbalan Menteri?

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya suka sebut di sini oleh kerana ada rungutan daripada sahabat-sahabat saya bahawa kebanyakan Ahli Parlimen tidak mempunyai derebar dan kerana ini di waktu-waktu hujan mereka terpaksa melindungi diri dari ditimpa hujan dan basah dengan meletakkan kereta di anjung bangunan Parlimen di mana juga adalah tempat bilik-bilik mereka sendiri. Tetapi pada hari ini perkara ini sangatlah mendukacitakan, privilege inipun dihalang kerana kata pihak Polis tempat-tempat itu adalah tempat Menteri-menteri hendak meletakkan kereta. Apalah salahnya jika bapak-bapak Menteri yang ada derebar turun di anjung tengah dan terus masuk ke Dewan. Saya berharap janganlah perkara-perkara seperti ini di halang kemudahan Ahli-ahli Parlimen biasa sebab mereka bukan meminta sesuatu yang mustahil. Tuan Yang di-Pertua, janganlah dibeza-bezakan sangat, kita semua sama, cuma yang jadi bapak Menteri dan yang tak jadi bapak Menteri. Hari ini hari Bapak Menteri. Pada hari akan datang

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ibu Menteri pun ada! Jangan lupa (*Ketawa*).

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Mana tahu satu masa nanti Ahli Parlimen yang lain jadi bapak Menteri atau ibu Menteri pula. Tuan Yang di-Pertua, tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa tahu?

Hari ini hari Rabu,

Hari esok hari Khamis,

Tuah Manusia tak siapa tahu,

Jangan cuba buat bengis!

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya dengan suka hati menyokong Anggaran Belanjawan, 1977.

3.48 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik hati terhadap ketegasan dan keberanian Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, mengemukakan satu belanjawan yang sangat "ambitious", dari segi anggaran pembangunan.

Sebagaimana kata Yang Berhormat Mulia Menteri dalam ucapan belanjawan itu, Perbelanjaan Pembangunan sebenar yang akan dikeluarkan daripada jumlah peruntukan \$4,694 juta, adalah dianggarkan sebanyak kira-kira \$3,370 juta bagi tahun 1977. Kita dapati juga bahawa perbelanjaan pembangunan yang tinggi ini akan dibiayai oleh lebihan daripada kira-kira semasa dan sebahagian besar daripadanya akan diperolehi melalui pinjaman dalam negeri, iaitu sebanyak \$2,000 juta dan melalui pinjaman dari luar negeri, sebanyak lebih \$900 juta.

Saya hendak bercakap sedikit tentang pinjaman dari dalam negeri yang akan diperolehi oleh Kerajaan bagi memenuhi keperluan perbelanjaan pembangunan ini. Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa pertubuhan-pertubuhan kewangan seperti syarikat-syarikat insuran, bank-bank perniagaan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan lain-lain sangat menggalakkan di masa ini dan di masa yang sudah-sudah. Memanglah tidak sukar bagi Kerajaan mendapatkan pinjaman dari dalam negeri memandangkan bertambah-tambahnya pertumbuhan ekonomi negara sebagaimana yang dibayangkan oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi kita tidak boleh dan tidak harus melupakan bahawa kita mesti menjadikan tiap-tiap rancangan pembangunan negara satu rancangan pembangunan oleh rakyat. Rakyat mestilah diberi kesempatan dan setiap peluang untuk sama-sama membiayai projek-projek pembangunan supaya akan tibalah kelak semangat kepunyaan di kalangan rakyat. Maksud saya ialah supaya rakyat benar-benar merasakan bahawa tiap-tiap projek itu adalah dijalankan dengan menggunakan wang mereka sendiri secara langsung.

Pada pandangan saya penubuhan Bank Simpanan Nasional adalah menuju ke matlamat ini. Bank Simpanan Nasional mestilah dijadikan satu institusi kewangan Kerajaan yang benar-benar boleh menggembeling wang rakyat untuk pembangunan untuk rakyat. Kejayaan-kejayaan Bank Simpanan Nasional dalam masa dua tahun membuktikan kemampuan Bank ini memainkan peranan yang lebih berkesan lagi bagus, menggembeling simpanan rakyat itu di samping melaksanakan apa yang diserukan

oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan supaya rakyat menyimpan lebih banyak untuk masa depan anak-anak mereka dan menambah pelaburan.

Baru-baru ini kita mendengar beberapa pengumuman tentang rancangan Bank itu hendak mengadakan satu sekim simpanan yang sangat menarik perhatian saya, iaitu Sekim Sijil Simpanan Premium. Yang Berhormat Mulia Menteri sendiri dalam bulan Ogos lalu pernah menyebut bahawa Sekim itu sudah pasti dapat membantu Perbendaharaan mendapatkan tabungan sekurang-kurangnya \$500 juta dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga untuk menampung perbelanjaan yang besar itu. Dalam Laporan Ekonomi Perbendaharaan yang menjadi laporan ucapan Belanjawan Menteri, kita diberitahu bahawa dalam 8 bulan pertama tahun ini sahaja jumlah tabungannya adalah \$303 juta berbanding dengan pengeluaran simpanan sebanyak \$260 juta sahaja. Ini amatlah menggalakkan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya memastikan rancangan-rancangan Bank itu dipesatkan terutama sekali pada ketika ekonomi negara bertambah baik sekarang dan ketika rakyat sedang merasai kemewahan dari segi pendapatan. Saya sendiri dan saya percaya rakyat yang ingin melihat kejayaan rancangan pembangunan kita menyokong kuat rangka Bank Simpanan Nasional itu hendak mengadakan Sekim Sijil Simpanan Premium. Dari keterangan-keterangan awal mengenai Sekim Sijil Simpanan Premium itu mungkin ada orang akan berfikir bahawa Sekim Simpanan Premium merupakan satu lagi cara berjudi yang tidak digalakkan oleh Kerajaan, tetapi jika kita kaji rancangan itu secara mendalam dan dari setiap aspek kita akan dapati Sijil Simpanan Premium ini bukan satu cara berjudi. Saya difahamkan bahawa tiap-tiap satu sijil akan dijual dengan harga \$10 maksima sijil yang boleh dimilikki oleh seorang individual ialah \$10,000. Faedah tidak dibayar bagi pelaburan menerusi sijil-sijil itu tetapi pembayaran penuh bagi tiap-tiap ringgit yang dipinjam akan dijamin apabila tuntutan tebusan dibuat oleh pemilik-pemilik itu pada bila-bila masa wang pelaburannya itu hendak digunakannya.

Mengenai hadiah-hadiah yang ditawarkan di bawah sistem Sekim Sijil Simpanan Premium itu iaitu \$50,000 bagi hadiah pertama dan 200 hadiah lain, adalah merupakan hadiah galakan semata-mata. Soal perjudian tidak timbul langsung jika kita pandang dari segi itu. Saya juga difahamkan bahawa berlainan dari erti bertaruh seperti Empat Nombor Ekor ataupun Loteri Kebajikan Masyarakat, Sijil Simpanan Premium adalah semata-mata merupakan cara mengumpulkan wang rakyat dengan selamat dan mudah, dan di samping itu memberi hadiah galakan pula kepada penyimpan-penyimpan menerusi Sekim ini.

Di negara kita ada Genting Highlands yang terkenal sebagai pusat pertaruhan dan mengadu nasib. Alangkah baiknya jika rakyat kita yang mampu selalu naik ke bukit itu, secara perlahan-lahan diajak mencuba nasib menerusi Sijil Simpanan Premium, dalam mana dalam mencuba itu, wangnya tidak hilang dan dia juga sama-sama membantu membiayai rancangan pembangunan negara.

Kita juga difahamkan bahawa sekim umpama ini telah dijalankan dengan jayanya di Britain, dan saya tidak nampak sebarang halangan bagi sekim ini juga dijalankan dengan jayanya di negara ini. Tetapi rakyat mestilah diberitahu sedalam-dalam dan seluas-luasnya terlebih dahulu tentang sekim ini dan saya harap langkah-langkah penerangan mengenainya dapat dijalankan dengan pesat dan segera.

Bank Simpanan Nasional sekarang sedang memainkan peranan yang penting sebagai salah satu sumber kewangan Kerajaan. Di samping sekim Sijil Simpanan Premiumnya, Bank itu mestilah digalakkan menjalankan berbagai-bagai kegiatan lagi supaya perkhidmatannya akan lebih luas, dan faedah dari penubuhannya benar-benar dirasakan oleh Kerajaan dan rakyat.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan kita telahpun berkata bahawa dapatlah dibekalkan kumpulan wang dan cukai kepada semua agensi-agensi Kerajaan supaya dapat dilaksanakan dengan giatnya akan projek-projek dan rancangan-rancangan mereka itu bagi menghapuskan kemiskinan, tetapi bekalan permulaan akan kumpulan wang kemajuan ini tiada pula boleh dianggapkan sebagai satu lesen untuk membelanjakan wang dengan cuai atau tidak

bertanggungjawab dan pihak Menteri kelak bertindak bagi menjamin supaya tidak ada kelonggaran dalam urusan wang ringgit dan tata-tertib. Saya berharap pegawai-pegawai sekalian, agensi-agensi Kerajaan akan menjamin bahawa kumpulan-kumpulan wang yang diperuntukkan bagi faedah rakyat jelata khususnya mereka yang lebih miskin di sisi masyarakat. Sebenarnya ditujukan kepada rakyat dan tidak disalurkan kepada orang-orang lain yang rapat dengan setengah-setengah pegawai-pegawai Kerajaan. Pembongkaran di dalam agensi RISDA baru-baru ini bagaimana wang yang sebegitu banyak yang sepatutnya dibayar kepada beberapa pekebun-pekebun kecil telah didapati dalam saku setengah-setengah pegawai.

Pembongkaran yang begitu dahsyat ini berkenaan dengan kumpulan wang masuk ke dalam saku pegawai-pegawai dan bukan pekebun-pekebun kecil yang miskin yang sangat-sangat berkehendakkan kepada wang sedemikian itu tidak memberikan satu imej yang baik kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, samada benar atau tidak benar pembayar-pembayar cukai merasa bahawa wang ringgit mereka telah dicurangi dan pihak pekebun-pekebun kecil pun merasa mereka telah ditipu. Saya berharap Kerajaan akan menguat-kuasakan peraturan-peraturan yang lebih tegas dan juga tatatertib supaya kumpulan-kumpulan wang Kerajaan dipergunakan dengan jalan yang betul semata-mata bagi faedah rakyat jelata. Menteri Kewangan telahpun menyatakan bahawa beliau tidak langsung berpuas hati dengan peranan dari kalangan swasta. Perkembangan pelaburan-pelaburan swasta telah lambat walaupun pihak Kerajaan telah mengatakan dengan terus-terang dan penuh ketegasan dan memberi pengakuan iaitu pihaknya menggalakkan peranan yang lebih besar dari kalangan swasta dan jaminan ini telah dipertegaskan lagi dengan pembentukan sebuah Jawatankuasa khas bagi pelaburan dalam peringkat yang tertinggi. Pada dasarnya sebab kelewatan kadar pelaburan daripada kalangan swasta bolehlah ditujukan kepada perlaksanaan Akta Penyelarasan Perindustrian dan Akta Petroleum. Walaupun Kerajaan telah beberapa kali menyatakan bahawa pihaknya sedang mengambil langkah-langkah untuk menyemak semula dan jika boleh hendak memperbuatkan beberapa pindaan kepada peruntukan dalam

Akta-akta itu bagi mengelakkan ketakutan dari pihak swasta. Tetapi Kerajaan belum lagi mengambil tindakan yang tegas bagi meminda peruntukan-peruntukan dalam akta-akta ini. Oleh yang demikian jika Kerajaan menzahirkan atau melepaskan dasarnya dengan terus-terang dan lebih berkesan tentang apakah yang dicadangkan hendak diperbuat kepada kedua-dua akta ini. Saya curiga yang pihak swasta akan terus menerus mengambil sikap tunggu dulu dan lihat. Kita semua ketahui hampir sembilan bulan telah berlalu setelah dijalankan Rancangan Malaysia Ketiga tetapi pihak swasta tiada bergerak dengan selaju-lajunya yang Kerajaan mahu mereka bergerak.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun bola itu ada di kaki pihak swasta, tetapi pihak swasta akan berterusan menarik kakinya naik dan tidak akan dapat menyepak bola itu sebelum ada satu-satu dasar yang terang dan niatnya daripada pihak Kerajaan. Saya berharap Kerajaan akan melepaskan dasarnya secepat mungkin jika Kerajaan benar-benar mahu menggalakkan pelaburan swasta. Amatlah menggembirakan mendengar yang Menteri Kewangan telah memutuskan bagi menghapuskan cukai kemajuan, minuman-minuman dan cukai cuma dibayar manakala diperolehi keuntungan oleh syarikat-syarikat atau orang-orang perseorangan yang berkenaan dan di mana tidak ada keuntungan, cukai tidak kena bayar. Ini adalah satu-satunya langkah yang "rialistik" oleh sebab setengah-setengah tidak berpatutan mengenakan cukai ke atas syarikat yang mengalami kerugian ataupun orang-orang perseorangan yang mengalami kerugian dan satu lagi cadangan oleh Menteri Kewangan yang patut dipuji ialah pengecualian daripada pembayaran cukai pendapatan atas pencen-pencen yang diterima oleh penduduk-penduduk sebab seperti yang kita semua ketahui kerana keadaan harga barang-barang mahal. Pencen-pencen yang diterima oleh orang-orang yang makan pencen sama besar dengan perbelanjaan mereka tiap-tiap bulan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bersetuju dengan Menteri Kewangan berkenaan dengan kenaikan cukai jalan bagi kenderaan-kenderaan swasta berdasarkan keadaan progresif; saya rasa kenaikan cukai bagi motosikal-motosikal adalah terlalu teruk khususnya manakala kenaikan ini melibatkan rakyat miskin. Kita semua sedar

bahawa pada masa ini motosikal tidak lagi boleh dianggap sebagai sesuatu yang tidak perlu atau mustahak dan luxury. Ianya amat perlu kepada rakyat miskin yang menggunakannya sebagai satu alat perhubungan. Lagi pula cadangan perubahan ini cuma mendapat perolehan tambahan sebanyak \$2 juta dan \$2 juta ini bolehlah didapati dengan senang sahaja dengan jalan mendapatkan cukai impot, minuman-minuman keras seperti arak dan tembakau mentah yang boleh disifatkan sebagai barang-barang yang tidak perlu atau mustahak atau luxury item. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan mengambil langkah bagi menimbangkan semula berkenaan dengan perkara kenaikan cukai jalan yang dikenakan ke atas motosikal.

4.08 ptg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1977 yang akan datang dan saya sifatkan Belanjawan ini sederhana, berpatutan dan mencerminkan matlamat sosio-ekonomi yang sihat yang menjadi dasar Kerajaan yang ada sekarang.

Berthabit dengan cukai-cukai baru yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika membentangkan belanjawan ini, saya inginlah hendak menyetuh sedikit berkenaan dengan arak dan minuman-minuman keras yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, berthabit dengan arak dan lain-lain minuman keras nampaknya Kerajaan menaikkan cukai arak sebanyak 15% dan menaikkan cukai beer 40 sen segelen iaitu daripada \$4.80 kepada \$5.20 segelen. Saya bukanlah tidak bersetuju cukai-cukai arak dan beer itu dinaikkan. Yang menjadi kemusykilan saya, ialah tindakan tegas Kerajaan kita untuk mengharamkan arak di sisi undang-undang negara. Sepertimana yang kita sama-sama maklum bahawa arak bukan sahaja telah ditegas oleh semua ugama-ugama yang menjadi punca segala maksiat bahkan telah diakui kebenarannya oleh kita manusia sendiri tidak kira apa ugama dan kepercayaan kita bahawa arak itu ialah ibu kepada punca kejadian jenayah-jenayah yang besar.

Ini jelas, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita telek kepada kejadian-kejadian jenayah yang besar-besar yang berlaku dalam negeri

kita yang kian merebak di masa yang akhir-akhir ini. Umpamanya rasuah. Kalaulah kita telek kepada kejadian-kejadian rasuah yang dilakukan oleh ikan-ikan besar ataupun ikan-ikan kecil ataupun ikan pertengahan dalam negara kita, bukanlah kerana desakan hidup, bukanlah kerana pendapatan daripada gaji tiap-tiap bulan tidak cukup makan—bukan, tetapi kerana nafsu dan hati telah dibakar oleh arak. Apabila hati telah dibakar oleh arak, hapuslah segala pertimbangan. Dan apabila nafsu telah dimarakkan oleh arak, maka lalulah semua yang belum lalu, memujur lalu, melintang patah. Dan bila wang untuk menurutkan kehendak hati dan nafsu telah kering dan habis, maka mudahlah melakukan perbuatan-perbuatan jenayah, seperti rasuah, rompak, samun, pencolekan dan lain-lain jenayah yang besar-besar. Banyak kesah-kesah dan riwayat-riwayat yang telah diberitahu kepada kita manusia ini samada berupa ajaran agama dan juga yang berupa cerita-cerita untuk menjadi tauladan dan pertimbangan kita manusia sendiri.

Izinkanlah saya, Tuan Yang di-Pertua, menyebutkan satu kesah bersabit dengan kejadian-kejadian yang besar disebabkan oleh arak. Secara ringkasnya kesah itu adalah begini:

Seorang yang sangat zalim telah memaksa seorang yang sangat baik yang kuat berpegang dengan ketenteraman masyarakat dan undang-undang negara. Orang yang zalim itu memaksa hamba Allah yang baik tadi mesti melakukan salah satu daripada tiga perkara jenayah, iaitu minum arak ini, zinah perempuan ini, atau bunuh budak ini. Kalau tidak, salah satu daripada tiga perkara itu dilakukan, maka ia sendiri akan dibunuh oleh orang yang zalim itu. Hamba Allah yang baik ini lalu berfikir. Jika ia minum arak, tanggungjawab dia seorang sahaja dengan tidak melibatkan masyarakat dan negara, tetapi jika dia bunuh budak ini bukan sahaja besar dosanya bahkan menjadi kesalahan yang besar di sisi undang-undang negara dan mungkin budak ini jika tidak dibunuh ia akan menjadi orang yang baik yang berguna kepada masyarakat dan negara pada masa yang akan datang. Demikian juga jika ia berzinah dengan perempuan ini, dosanya besar, mengganggu ketenteraman masyarakat, dan jika perempuan ini hamil dan dapat anak, nescaya anak itu

anak yang tidak mempunyai bapa dan akhirnya menyusahkan negara. Setelah berfikir panjang maka hamba Allah yang baik itupun lalu minum arak sahaja, kerana tidak mahu mengganggu ketenteraman masyarakat dan tidak mahu melanggar undang-undang negara. Tetapi, apabila sudah mabuk, Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan telah hangus dibakar oleh arak, apa yang telah berlaku dia zinah perempuan itu dan dia bunuh budak itu.

Inilah secebis kesah bersabit dengan arak apa yang saya katakan tadi ibu kepada kejadian jenayah yang besar-besar. Sebab itulah semua agama terutama sekali agama Islam yang menjadi agama rasmi negara kita telah menetapkan bahawa arak punca segala maksiat dan telah diakui kebenarannya oleh seluruh ahli fikir dan cerdik pandai di dunia ini bahawa arak ialah ibu kepada kejadian jenayah, mengancam ketenteraman masyarakat dan negara seterusnya.

Saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri yang telah mengeluarkan risalah-risalah ini. Risalah-risalah ini ada menerangkan, jenayah arak. Dadah dan arak membinasakan diri dan masyarakat, kata risalah ini yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri sendiri. saya mengucapkan tahniah. Tetapi bolehkah risalah ini ataupun seruan-seruan umpama ini berkesan untuk menahan ancaman daripada arak kepada masyarakat dan negara kita, jika arak terus halal di sisi undang-undang negara sendiri. Bolehkah anak padi yang kecil ini mengeluarkan buahnya, jika dibiarkan ia hidup dalam hutan lalang yang tebal. Inilah persoalannya yang ada di hadapan kita yang sayugia dipertimbangkan oleh Kerajaan supaya mengambil tindakan tegas mengharamkan arak di sisi undang-undang negara kita.

Saya dan seluruh rakyat yang inginkan ketenteraman masyarakat dan negara yang lebih terjamin pada masa yang akan datang adalah sedar bahawa jika Kerajaan mengharamkan arak, negara akan menghadapi beberapa masalaah yang mungkin timbul daripada pengharaman arak itu, iaitu kehilangan cukai-cukai daripada arak, kemungkinan arak akan diseludupkan secara haram di negeri ini, seperti yang berlaku di setengah-setengah negara yang mengambil tindakan mengharamkan arak, saya sedar

dan rakyat seluruhnya sedar atas masalaah yang seumpama ini. Tetapi jika Kerajaan menghadapi masalaah kekurangan hasil negara, kerana kehilangan cukai arak untuk mengatasi masalaah ini Kerajaan bukan sahaja boleh mencari sumber-sumber yang lain untuk menampung kehilangan cukai-cukai arak bahkan Kerajaan juga akan dapat mengurangkan perbelanjaan-perbelanjaan untuk mencegah kejadian-kejadian jenayah yang mana sebahagian besarnya adalah berpunca daripada pengaruh arak. Demikian juga dengan kemungkinan arak diseludupkan secara haram ke negeri ini. Saya yakin bahawa Kerajaan mampu dan berupaya mencegah penyeludupan itu seperti mana Kerajaan mampu mencegah penyeludupan dadah sekarang ini. Tentulah tidak boleh dijadikan alasan atau pendapat yang mengatakan jika arak diharamkan, maka arak dimasukkan secara haram ke negara kita. Kalau begitulah falsafah hidup kita, mengapakah kita tidak menghalalkan sahaja dadah kerana takutkan dadah masuk secara haram. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada Kerajaan mengambil tindakan tegas dalam perkara ini. Mudah-mudahan kita sekalian terutamanya pemimpin-pemimpin kita dikurniakan oleh Tuhan berkat dalam perjuangan untuk kebaikan masyarakat rakyat dan kemajuan negara kita apabila ibu kepada punca maksiat dan jenayah ini kita hapuskan daripada negara kita.

Berikutannya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit bersabit dengan keselamatan yang telah mencapai kejayaan yang besar dalam gerakan memusnahkan pengganas-pengganas komunis seperti kejayaan Pasukan Keselamatan di daerah Baling dan juga di lain-lain tempat baharu-baharu ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pasukan Perisik yang telah dapat membongkar rahsia gerakan komunis dan tertangkapnya Abdul Samad Ismail. Rakyat seluruhnya adalah meletakkan harapan yang penuh kepada Kerajaan supaya terus bertindak ke atas orang-orang yang terbukti ada terlibat dalam kegiatan komunis, dalam mana-mana parti politik dan juga pertubuhan-pertubuhan yang lain dengan tidak mengira siapa dia, dan berapa tinggi kedudukannya dalam negeri ini. Saya mengambil kesempatan ini mengalu-alukan dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas

kenyataan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita selaku Pemangku Presiden parti UMNO bersabit dengan apa yang disebutkan tindakan ke atas sebarang ahli parti UMNO yang terlibat dalam kegiatan komunis. Rakyat seluruhnya berdiri teguh di samping Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dalam tindakan beliau membersihkan anasir-anasir komunis dalam mana-mana parti politik dan pertubuhan-pertubuhan yang lain. Rakyat tentulah tidak percaya kalau dikatakan hanya di kalangan ahli-ahli parti UMNO sahaja yang dipengaruhi oleh anasir-anasir komunis, sedangkan di kalangan ahli-ahli atau parti-parti politik yang lain bersih daripada anasir-anasir komunis, rakyat tidak percaya dan rakyat tidak akan menerima. Sebab itu Kerajaan hendaklah menjalankan penyasatan yang rapi ke atas parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan yang lain yang mungkin ada orang-orang yang menjalankan kegiatan komunis di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, selaku seorang Ahli yang mewakili kawasan yang penduduknya boleh dikatakan 100% terdiri daripada golongan petani-petani, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang mana dalam Belanjawan tahun 1977 ini telah memberikan peruntukan yang agak lebih kepada sektor pertanian kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu dan saya juga sangat tertarik hati dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah menyebut betapa suburnya bumi negara kita. Ini adalah membayangkan matlamat Kerajaan hendak menjadikan negara kita sebuah negara yang menghasilkan bahan-bahan makanan yang cukup untuk keperluan negara dan juga untuk diekspot. Matlamat ini sangat penting dan mustahak dilaksanakan dengan lebih berkesan dari masa-masa yang lalu. Memandangkan keadaan hidup petani-petani dalam negeri kita pada keseluruhannya adalah dalam keadaan yang miskin dan memandangkan kepada setengah daripada bahan-bahan makanan harian negeri kita yang setengah daripadanya masih 100% diimpot dari luar negeri walaupun bahan-bahan itu setengah daripadanya boleh dihasilkan oleh bumi kita yang subur ini.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, ada masalaah-masalaah yang sayugia diambil langkah yang lebih berkesan oleh Kerajaan untuk menghadapi matlamat meninggikan

taraf hidup petani dan untuk memperbanyakkan bahan-bahan makanan dalam negara kita. Antara lainnya, mungkin yang pertama, bantuan yang bersifat mata-benda dan yang bersifat tunjuk-ajar untuk menjadikan mereka petani secara moden dan bersistematik. Kedua, masalah pemasaran hasil-hasil pertanian mereka untuk mendapat ganjaran yang seimbang dengan penat-lelah mereka. Ketiga, masalah-masalah yang menekan kehidupan petani yang menyebabkan mereka tidak dapat mencapai kehidupan yang lebih baik sejak dahulu hingga sekarang. Ditilik daripada jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan kepada sektor pertanian pada masa yang lalu dan ditilik daripada kedudukan petani-petani dan kehidupan mereka pada masa ini bolehlah saya ibaratkan seperti penyakit dengan ubat. Ibarat penyakit dengan ubat mungkin belum cukup ubatnya yang diberikan ataupun belum menyeluruh kepada semua jenis penyakit yang dihadapi oleh petani. Dengan sebab itu saya menyeru Kerajaan supaya menjalankan penyiasatan hingga ke akar umbi kehidupan petani-petani dalam negeri ini sambil menilaikan semua rancangan-rancangan yang bersabit dengan pertanian yang telah dijalankan pada masa yang lalu. Seruan yang seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, hanya dapat dibuat oleh wakil-wakil rakyat seperti saya umpamanya, disebabkan petani-petani di negeri kita tidak mempunyai persatuannya sendiri untuk menyuarkan keluhan mereka, untuk menyuarkan penderitaan mereka dan untuk menyuarkan pendapat-pendapat mereka. Sebab itulah suara daripada petani-petani tidak lantang dan sekuat suara kesatuan-kesatuan sekerja ataupun suara CUEPACS walaupun bilangan petani-petani berjuta-juta manusia ramainya, jauh lebih ramai daripada suara CUEPACS sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, terlanjur saya menyebut tuntutan CUEPACS dalam perlaksanaan Laporan Gaji Ibrahim Ali yang mana perkara itu pernah menjadi satu perkara yang diheboh-hebohkan baru-baru ini. Saya mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di pihak Kerajaan dan kepada CUEPACS bagi pihak kesatuan sekerja yang telah berjaya mendapat persetujuan-persetujuan asas dalam pertikaian itu hingga suasana yang heboh itu telah menjadi tenang

sekarang ini. Sesungguhnya rakyat meletakkan harapan yang sepenuhnya kepada Kerajaan dan juga kepada CUEPACS sendiri supaya dapat diselesaikan pertikaian itu dengan semangat tolak-ansur dan meletakkan kepentingan negara dan rakyat di hadapan sekali daripada kepentingan-kepentingan yang lain. Dalam penyelesaian ini, saya berharap Kerajaan hendaklah sentiasa berpegang teguh kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang bertujuan supaya jurang perbezaan taraf hidup rakyat tidak terlalu jauh bezanya. Kerajaan juga saya serukan supaya berpegang kepada satu asas yang tertentu bersabit dengan kadar gaji yang minima dan kadar gaji yang maksima supaya tuntutan kenaikan gaji oleh pegawai-pegawai Kerajaan dan badan-badan berkanun yang lain tidak menjadi satu perkara yang tidak habis-habis sepertimana sekarang ini. Bila golongan bergaji rendah menuntut kenaikan gaji disebabkan belanja hidup yang meningkat tinggi kerana inflasi dan sebagainya, maka golongan yang bergaji besar juga turut menuntut kenaikan gaji dengan beralkasan bahawa golongan yang bergaji rendah telah mendapat kenaikan gaji mereka sedangkan mereka sendiri telahpun mendapat kehidupan yang lebih lumayan. Sebab itu, sayugialah Kerajaan menentukan satu dasar iaitu kadar gaji yang maksima.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyatakan sokongan saya kepada Belanjawan tahun 1977 ini sepertimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 29hb Oktober, yang lalu.

4.27 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Dewan ini. Tahniah patut diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri itu dan pegawai-pegawai di dalam Kementeriaannya yang telah melibatkan diri untuk menyediakan Belanjawan ini dengan kecekapan dan kematangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya anggap Belanjawan tahun 1977 ini adalah generous dan incentive, kerana menurut strategi Belanjawan ini adalah untuk tiga matlamat dasar utama yang sesuai dan menggalakkan dan ini disambut baik, saya percaya oleh semua golongan rakyat. Belanjawan tahun 1977 ini

menyakinkan betapa Kerajaan akan meng-gembelangkan Rancangan Malaysia Ketiga kerana matlamat pertamanya ialah untuk mempercepatkan pencapaian matlamat rancangan tersebut dan objektif sosial ekonomi negara dalam konteks keselamatan nasional dan juga akan mengukuhkan pemulihan ekonomi negara dan mengekalkan pertumbuhan dan kestabilan harga.

Tuan Yang di-Pertua, wang sebanyak \$4,694 juta diperuntukkan bagi membelanjakan pembangunan tahun depan dan Kerajaan akan berusaha mendapatkan pelaburan swasta meningkat lagi hingga mereka dapat memainkan peranan lebih penting dalam pembangunan sosial ekonomi negara dan juga Kerajaan akan bertindak membekalkan wang yang cukup kepada agensi-agensinya bertujuan untuk mencegah berlakunya sebarang kelambatan mengenai perlaksanaan projek-projek sungguh menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan dasar Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya tertarik dengan statementnya yang berbunyi:

“Bahawa peruntukan kumpulan wang pembangunan yang besar itu hendaknya janganlah dipandang sebagai kesempatan untuk membazir dan dibelanjakan dengan sesuka hati dan perlu dipastikan dan diperhitungkan bahawa setiap ringgit itu hendaklah digunakan dengan sepenuhnya.”

Kenyataan serupa ini selalu diulang-ulangkan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri bagi mencermatkan, mendaya-usahakan dan melaksanakan projek dengan keadaan yang benar-benar boleh memberikan nikmat pada orang ramai. Kita semua berharap dan kita percaya pegawai-pegawai yang berkaitan dengannya seperti pegawai-pegawai perancang, pegawai penilai, pegawai rekabentuk dan sebagainya terutama pegawai-pegawai yang melaksanakan projek-projek sedar akan kenyataan ini dan akan dapat berserta dengan penuh dedikasi, jujur dan bertanggungjawab bagi memenuhi harapan, hasrat dan cita-cita Kerajaan supaya sesuatu projek yang telah dirancang dan dilaksanakan akan benar-benar feasible, economic dan matlamatnya akan mencapai faedah yang sehabis-habis besar daripadanya. Oleh itu maka setiap projek yang dirancang hendaklah diteliti terlebih dahulu dan dipastikan dengan semasak-masaknya.

Daripada pengalaman Rancangan Malaysia Kedua yang lalu dipastikan kebanyakan projek-projek sengaja diperbesar-besarkan dan ini bukan sahaja menjejaskan atau tidak membuka peluang kepada pemborong-pemborong tempatan, akan tetapi akan melibatkan kos belanja yang begitu besar dan ada kalanya kita dapati projek-projek itu tidak menasabah dengan harga yang dikenakan pada projek itu. Saya beri contoh di kawasan saya ada satu projek perumahan. Rumah itu dibuat daripada kayu sahaja. Seluas 2,000 kaki persegi berharga sehingga \$60,000. Rumah ini orang kampung dan orang ramai memikirkan tidak menasabah kerana daripada peruntukan wang \$60,000 itu boleh dibuat rumah batu. Inilah satu daripada contohnya yang saya berikan.

Satu perkara lagi ialah projek-projek yang sudah disatukan menjadi besar, pada hal projek itu boleh diaturkan atau dirancang mengikut kadar projek yang sederhana dan kecil supaya boleh bagi pemborong-pemborong bumiputra dapat menyertai. Oleh kerana dirancang dengan begitu besar maka mereka tidak dapat peluang untuk berserta di dalam pembangunan negara. Perkara ini diharap akan mendapat perhatian daripada pegawai-pegawai yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini juga Kerajaan patutlah mengkaji dan mempergiatkan Jawatankuasa Penapis dan Penilai mengkaji dan meneliti projek-projek itu feasible dan economic dan Jawatankuasa Penimbang di tiap-tiap negeri melihat dan mengawasi bahawa rancangan itu akan berjalan dengan sebaik-baiknya.

Juga Jawatankuasa Sebutharga (Tender Board) di mana-mana peringkat sahaja mestilah dikaji dan disusun semula supaya ianya merupakan benar-benar bersih dan bebas dari pengaruh personal interest. Dengan cara ini tidaklah akan berlaku syndicate atau pull strings dan perkara-perkara yang tidak sihat.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlu juga menyelaraskan masalah pentadbiran di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat yang ada berkaitan dengan projek. Misalnya masalah pengambilan dan penggunaan tanah. Kerap kali menjadi rumit

dan menimbulkan masalah yang kusut dan menjejaskan kemajuan rancangan dan kadangkala ada yang gagal. Jadi sementara sesuatu projek Kerajaan Pusat hendak dilaksanakan atau dirancangan, haruslah dibincangkan bersama dengan Kerajaan Negeri hingga ke peringkat daerah supaya semua tindakan akan dapat dijalankan dengan licin dan cepat. Pada masa yang telah lalu koordinasi di antara kedua-duanya kurang memuaskan dan ada di antaranya langsung tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan-jabatan Kerajaan juga mustahak benar, samada di peringkat negeri dan lebih-lebih lagi di peringkat daerah mestilah diselaraskan mengikut keadaan projek yang dijalankan supaya merupakan satu badan pembangun yang mempunyai tanggungjawab bersama. Sistem keadaan sekarang Tuan Yang di-Pertua, Jabatan-jabatan Kerajaan yang ada itu masing-masing bertindak mengikut tanggungjawab urusannya sendiri dan tidak ambil tahu urusan Jabatan-jabatan lain. Walaupun ada Majlis Tindakan Daerah di mana perkara-perkara dibincangkan bersama akan tetapi urusan ikut cara berasingan. Telah dipastikan ini menjejaskan kecekapan dan selalu menyebabkan kelambatan dan membazirkan masa. Kalaulah penyelarasan dibentuk maka pasti segala projek mudah diselesaikan dan cepat disiapkan dan dengan itu hasilnya akan menjimatkan perbelanjaan kosnya.

Tuan Yang di-Pertua, di antara strategi penting Belanjawan 1977 ini ialah akan melaksanakan sebarang projek membasmikan kemiskinan dengan lebih cergas dan segera. Saya sungguh merasa akan perkara ini kerana kawasan yang saya wakili adalah hampir 80% terdiri dari petani-petani dan pekebun-pekebun kecil yang berpendapatan rendah dan miskin. Apa yang hendak saya tekankan di sini iaitu di samping Kerajaan mengutamakan pembangunan di negeri-negeri yang belum maju seperti di Pantai Timur dan di Utara, maka seharusnya pula Kerajaan tidak akan membiarkan negeri-negeri yang dianggap sudah maju akan tetapi ada kawasan dan daerah-daerahnya yang masih memerlukan pembangunan yang sama juga keadaannya seperti negeri-negeri yang kurang maju itu.

Mengatasi masalah setingan adalah merupakan sebagai satu penyakit yang tidak habis-habis itupun adalah satu masalah yang paling rumit dan besar. Oleh itu peruntukan di dalam Belanjawan 1977 ada menunjukkan bagi pembangunan luar bandar berjumlah \$76.4 juta, untuk bekalan elektrik berjumlah \$97.6 juta dan bekalan air \$107.5 juta. Adalah diharapkan supaya kawasan dan daerah-daerah yang belum maju di negeri yang dianggap telah maju itu akan juga diutamakan untuk mendapat bahagian peruntukan-peruntukan tersebut. Ini akan merupakan seimbang dan kemajuan pembangunan akan meningkat sama dan masalah sosial akan berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang memberikan peruntukan untuk rancangan pertanian dan pembangunan luar bandar yang begitu menggalakkan. Bermaknalah hasil pertanian akan meluas dan bertambah kegiatannya. Buku Hijau juga akan lebih bertambah lagi. Oleh itu maka timbullah masalah pemasaran berkenaan dengan hasil tanaman kampung.

Saya kagum mendengarkan maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian semalam bahawasanya agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan iaitu FAMA sudah sampai kepada peringkat international iaitu akan mengelolakan eksport barang-barang hasil tanaman kampung ke luar negeri. Tetapi kesal, Tuan Yang di-Pertua, di sekitar kampung, FAMA masih lagi dipandang rendah dan masih lagi dipandang belum begitu cekap dan belum begitu menyelaras dan belum begitu menjalankan peranannya dan tanggungjawabnya untuk pemasaran hasil tanaman kampung. Oleh itu saya menyeru patut FAMA bertindak memainkan peranan penting dan meluaskan lagi aktiviti-aktivitinya di bidang pemasaran hasil tanaman kampung, hasil tanaman buku hijau supaya benar-benar boleh menentukan kawalan harga dan pemasarannya. FAMA mestilah bercorak commercial, untuk mengatasi masalah ini sebagaimana L.P.N. telah berjaya dalam pemasaran padi, FAMA juga perlu memperbanyakkan lagi kakitangannya di daerah-daerah kawasan pertanian untuk mengatasi masalah pemasaran dan dengan itu maka masalah risaukan pemasaran hasil tanaman akan tidak timbul lagi. Kami di daerah-daerah sebelah kampung belum lagi nampak ada purchasing centres yang telah

didirikan atau diadakan oleh FAMA dan ini adalah satu perkara yang perlu. Purchasing Centres perlulah diadakan lengkap dengan setor dan pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh agensi-agensi yang lain, MARA terutamanya patut membetulkan dan menyusun caranya menolong bumiputra yang memainkan peranan di bidang perniagaan iaitu berkenaan bantuan credit. Pinjaman credit kepada peniaga-peniaga kecil terutamanya dan kepada pemborong-pemborong kecil Melayu hendaklah dititikberatkan iaitu merupakan satu kemudahan di bidang perniagaan. Perlu diaturkan satu simple term atau satu cara yang boleh menyenangkan untuk mereka mendapatkan credit dan masa untuk kelulusan pun perlu dipercepatkan. Pada masa sekarang, hendak mendapat pinjaman daripada MARA sungguh sukar dan mengambil masa yang begitu lama. Bermacam-macam cara yang disiasat dan dikaji untuk mendapatkan pertolongan modal \$5,000 atau \$10,000. Patutlah MARA mengadakan satu dasar yang boleh menyenangkan bagi mendapatkan kemudahan pinjaman credit bagi peniaga-peniaga kecil dan pemborong-pemborong kecil untuk mereka membuat pusingan modal bagi menjayakan projek-projek yang mereka hendak jalankan.

Satu lagi perkara yang penting sesudah MARA meluluskan pinjaman, timbal balas dan kawalan rapi hendaklah dilakukan dan tidak dibiarkan begitu sahaja, supaya pinjaman credit itu digunakan betul-betul oleh mereka yang meminjam. Kekurangan pegawai-pegawai mestilah diatasi untuk mencukupkan tenaga bagi semua masalah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara koperasi dalam negara kita ini, saya faham iaitu gerakan kerjasama (cooperative) dalam negara kita ini telah berjalan lebih daripada 60 tahun. Malangnya gerakan ini tidak begitu dapat menjamin untung nasib ahli-ahlinya pada keseluruhannya. Aktivitinya tidak berapa efficient, lebih-lebih lagi bagi yang di luar bandar. Gerakan kerjasama di negara-negara yang telah maju seperti di Eropah merupakan sebagai payung tempat ahli-ahlinya berteduh dan menumpukan harapan dengan penuh keyakinan. Pada pendapat saya mungkin Akta Koperasi di negara kita tidak begitu menyeluruh di mana kegiatannya terhad dan terkawal dan beberapa perkara berkaitan ada yang tidak begitu efektif. Kerajaan patutlah mengkaji

dan menitik-beratkan secara serious gerakan kerjasama supaya dapat memainkan perannya dengan meluas dan berkesan dengan pembangunan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Lembaga Pertubuhan Peladang (L.P.P.) Kerajaan patut benar memberikan peruntukan yang banyak yang berlipat ganda lagi supaya gerakannya boleh lebih meluas dan berkesan, supaya L.P.P. dapat memberikan perlindungan dan mengatur cara baru sistem hidup ahli-ahlinya seperti pekebun-pekebun kecil, kaum tani dan nelayan-nelayan. Keadaannya pada masa sekarang sekadar cukup bernafas untuk peranan yang sederhana sahaja. Masa untuknya tidak patut ditangguhkan kerana ianya merugikan rakyat miskin yang berpendapatan rendah.

Seperkara lagi berkenaan dengan penyertaan bumiputra dalam syarikat-syarikat joint-venture. Pada masa sekarang syarikat joint-venture bumiputra dan non-bumiputra macam cendawan tumbuh. Ini kalau dipandang daripada satu segi sungguh menggalakkan akan tetapi membimbangkan pada jangka panjangnya. Kerajaan patutlah awasi sistem pendaftarannya supaya tidak merupakan bumiputra sekadar sleeping partner atau exploitasikan privilege ini. Sebaliknya perlindungan pula patut diberikan kepada yang telah berjaya dan maju di bidang ini. Dengan itu dapat membantu bagi mendapatkan tercapainya matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Menyentuh tentang cukai, saya rasa cukai yang dikenakan pada tahun akan datang sungguh menasabah dan adil kerana pada yang kaya diberikan kesempatan atau peluang memberikan sumbangan kepada Kerajaan di dalam pembangunan. Pada fikiran saya kalau dikenakan lebih tinggi lagi pun patut kerana mereka yang banyak telah menikmati pembangunan dan kepada yang miskin ditimbangkan dengan secara seadil-adilnya. Walau bagaimanapun saya sukalah merayu kepada Kerajaan supaya dapat ditimbangkan semula cukai-cukai yang dikenakan kepada perabut-perabut rumah tangga seperti perabut letrik iaitu talivisyen, peti sejuk dan lain-lainnya kerana peringkat rancangan Malaysia Ketiga ini baru sampai kepada ambang untuk menikmati rancangan-rancangan Kerajaan yang pada Rancangan Malaysia Kedua dahulu telah bersedia untuk mencapai kepada nikmat ini. Saya katakan

begitu bahawa kawasan saya baru sahaja mendapat letrik, itupun baru sedikit sahaja dan banyak yang belum dapat dan mereka ini baru mula hendak merasa mempunyai alat-alat letrik di rumah mereka. Kalaulah ditekankan atau dikenakan juga cukai yang tinggi kepada perkara ini maka hampalah harapan mereka untuk dapat hidup secara moden, secara sejajar dengan saudara-saudara mereka yang di dalam bandar. Jadi perlulah perkara ini Yang Berhormat Menteri Kewangan menimbangkan sebaik-baiknya memberikan peluang pada suatu masa akan datang supaya mereka ini dapat senang hati mempunyai perabut-perabut elektrik di rumah mereka. Begitu jugalah sebagaimana saudara-saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah merayu dan menyuarakan dalam Dewan ini berkenaan dengan cukai motosikal yang mempunyai c.c. yang rendah kerana ini adalah kegunaan kepada orang-orang yang berpendapatan rendah terutama petani. Kalau ini juga dinaikkan maka bersungutlah mereka sebab keadaan harga padi pada tahun depan tidak berubah, masih dalam keadaan begitu juga tetapi harga baja lebih naik lagi, mereka tentulah tidak begitu upaya membayar cukai jalan motosikal. Jadi, Yang Berhormat Menteri tentulah murah hati untuk menimbangkan kepada keadaan orang-orang yang berpendapatan rendah terutama petani-petani dan pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang keselamatan, Kerajaan menghadapi ancaman komunis dan perkara-perkara dadah yang telah merasuk belia-belia kita, pada pendapat saya Kerajaan telah berjaya dalam lapangan Tentera atau Polis mencegah kegiatan mereka. Begitu juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan perisiknya telah berjaya saban hari dengan bekerja keras, akan tetapi Kerajaan perlulah memenangi hati rakyat dengan cara yang boleh dapat dipikat. Beberapa perkara patut Kerajaan menitik-beratkan dan memikirkan sebagai satu incentive kepada orang-orang yang berpengaruh di dalam kampung supaya mereka akan rapat dan bertanggungjawab sama untuk membantu ahli-ahli keselamatan untuk mencari rahsia dan mengatasi dan menangkap orang-orang yang terlibat dalam perkara-perkara itu. Saya tekankan di sini iaitu Kerajaan patut memberikan satu rupa sugu hati yang boleh menggalakkan mereka

memberikan kerjasama kepada Kerajaan dan ini dapat membantu lebih tegas dan lebih pesat lagi usaha-usaha ahli-ahli keselamatan untuk mengatasinya. Mereka ialah imam-imam di kampung, ahli-ahli Jawatankuasa Kampung dan Ketua-ketua Kampung, mereka ini berpendapatan rendah. Kalau Kerajaan dapat memberikan sedikit rupa bantuan yang merupakan incentive kepada gerakan ini saya percaya mereka dapat membawa anak buah mereka rapat kepada ahli keselamatan untuk mencegah langkah-langkah atau gerakan komunis dan penggunaan dadah di dalam kawasan masing-masing dan ini akan dapat menyeluruh ke seluruh negeri dan negara.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan 1977.

4.55 ptg.

Tuan Racha Umong (Limbang-Lawas):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil kesempatan di dalam perbahasan di atas ucapan Belanjawan 1977 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada minggu yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai wakil rakyat daripada Sarawak amnya, daripada kawasan Limbang-Lawas tetap menyokong serta menitik-beratkan di atas ucapan Belanjawan, 1977 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu. Walaupun bukan semuanya ucapan beliau itu sungguh menarik hati rakyat serta gembira, tetapi pada keseluruhan menarik hati, Tuan Yang di-Pertua, bahawa di sini saya berpendapat bahawa salah satu di antara butir kata-kata ucapan beliau itu yang saya belum puas hati. Oleh yang demikian, saya memberi sedikit teguran kepada beliau serta menarik perhatian beliau Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya beliau dapat menilik dan memberi pandangan lebih jauh lagi lebih mendalam sehingga memberi satu pertimbangan yang lebih adil lagi memuaskan hati rakyat Malaysia pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada kenaikan cukai saya suka menyentuh iaitu kenaikan cukai jalan atas motosikal yang mana \$50, satu tahun dan cukai jalan atas kereta-kereta penumpang persendirian dan sebagainya yang mana disamakan cukainya

di atas jalan bandar dengan jalan luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tidak bersetuju jika cukai jalan bandar masih disamakan dengan jalan luar bandar. Mengapa? Oleh sebab keadaan jalan bandar tidak sama tarafnya dengan taraf keadaan jalan luar bandar, jalan raya bandar itu dilengkapi dengan tar, jalan luar bandar pada masa ini masih sebahagian besar tidak dilengkapi dengan tar begitu jugapun kereta-kereta mereka yang tersebut di dalam tempatan itu selalu rosak. Oleh yang demikian, mana boleh cukainya disamakan. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin hendak memberi satu contoh untuk menarik perhatian Menteri yang berkenaan. Pada satu segi keadaan jalan raya yang tidak sama keadaannya dengan yang lain. Hal ini telah berlaku di kawasan saya sendiri Limbang yang mana telah mengakibatkan kerosakan beberapa buah kereta yang tidak dapat diperbaiki lagi iaitu tiga-empat tahun dahulu, lima buah bas MARA telah rosak terlibat di jalan yang keadaannya lekak-lekuk begitu juga berbatu-batu dan berlobang-lobang, sampai sekarang pun masih keadaan jalan tersebut tidak bertambah baik, makin sehari makin bertambah buruk Keadaannya. Siapa yang diam di pinggir sepanjang-panjang jalan tersebut? Iaitu rakyat kita bumiputra yang mana yang miskin yang pendapatan rendah. Siapa yang diam di bandar yang memakai jalan bagus-bagus, kebanyakannya si anu yang kaya-kaya yang berpendapatan tinggi. Oleh yang demikian, bernaikah Dewan yang mulia ini atau Menteri yang berkenaan menaikkan cukai ke tempat yang sama dengan keadaan jalan tersebut di seluruh negara atau negeri-negeri kita Malaysia ini? Tidak, tidak, saya sendiri tidak berani!

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh lagi saya hendak memperkenalkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, lebih-lebih lagi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Di kawasan saya sendiri iaitu di Lawas yang sama keadaan jalanrayanya dengan Limbang yang saya sebutkan tadi. Satu dua tahun dahulu bas kompeni Lawas hampir-hampir bangkrap disebabkan jalanraya daerah Lawas berkeadaan lekak-lekuk, sebab itu penduduk-penduduk kampung sekitar pendalaman daerah Lawas pun hampir-hampir putus asa dan menaruh syak tidak lama lagi sudah tentu tidak ada lagi kereta penumpang dan bagaimana hendak

membawa jualan ke bandar Lawas dan juga bagaimana hendak membawa pesakit-pesakit ke rumah sakit (hospital). Oh! pada masa itu mereka merasa sangat khuatir, cukai sangat tinggi dan ada surat memberitahu hendak menjual kereta atau bas kepunyaannya sekiranya ada orang yang hendak membelinya. Lama kelamaan ada seorang taukeh dari Sibul sanggup membelinya serta melaksanakan tugas melanjutkan bas kompeni Lawas sekali lagi. Penduduk luar bandar yang dukacita itu telah bergembira semula. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini harus Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi pertimbangan yang adil dan menyelenggarakan mereka ke tempat yang tersebut dengan tiada menaikkan cukai untuk sementara jalanraya tersebut diperbaiki. Jikalau tidak mungkin bas kompeni tersebut akan bangkrap lagi. Jikalau bas bangkrap siapa rugi? Bas kompenikah? Tetapi saya rasa rakyat dua kali rugi atau sepuluh kali rugi. Rakyat yang cuba hendak membeli kereta tidak mampu, maka mereka terus susah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat untuk mengatasi perkara yang tersebut iaitu jalan-jalan yang melalui dari bandar ke kawasan pendalaman harus diperbaiki sedikit demi sedikit pada tiap-tiap tahun.

Kedua, sebelum jalanraya tersebut diperbaiki jangan dinaikkan cukai. Inilah pendapat saya mengenai kenaikan cukai itu. Saya harap dipertimbangkan.

5.05 ptg.

Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah (Silam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Anggaran Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan kita baru-baru ini. Pada pendapat rakyat jelata bahawa Belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini bolehlah dikatakan tidak membebankan sangat rakyat memikunya. Kiranya dapat, Belanjawan yang dibentangkan pada tiap-tiap tahun hendaklah begini sahaja maka tidaklah terasa sangat rakyat memikunya. Budget yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan kita boleh dikatakan adil dan menasabah bagi orang-orang yang berfikiran waras, kerana tax-tax yang dikenakan, tax-tax baru, hanya dikenakan kepada barang-barang kemewahan atau

berlebihan sahaja. Rakyat di luar bandar atau di pendalaman memang tertarik dengan straktur tax yang dikemukakan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah adalah sebuah negeri dalam Malaysia seperti juga terdapat di negeri-negeri lain yang ingin hidup maju, makmur, bebas dan aman dan juga ahli-ahli Kerajaannya adalah terdiri daripada satu rumpun parti yang besar yang mana memegang teraju pemerintahan negara kita. Apa yang didapati sekarang perbezaan, sungguhpun daripada satu rumpun parti itu terasa juga cubitnya, walaupun pemerintahan yang dijalankan di negeri itu adil dan dibagi sama rata, tetapi seperti kita membelah dua buluh, sama separuh-separuh, sebelah di pijak dan sebelah diangkat atau ditarik ke atas. Cuma ini sahaja perbezaan yang didapati sekarang di Sabah dan belum pun ada satu doktor yang datang mengubatinya sebelum merebaknya penyakit barah ini.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan pembangunan bagi rakyat Sabah memang dikehendaki sangat. Apa yang saya dapati rancangan pembangunan yang lepas, yang telah berlalu, masih banyak belum dapat dihabiskan. Maka dengan ini banyak kenikmatan telah tidak dapat dirasai, banyak peluang telah berlepas begitu sahaja, kerana dengan peluang-peluang yang dijanji-janjikan oleh Kerajaan, telah hampa berlalu begitu sahaja. Balasan yang dijanjikan dalam Rancangan Malaysia Kedua dahulu telah menghampakan rakyat yang setia daripada Sabah. Maklum sahajalah, Sabah memang kurang sangat orang-orang yang berpengalaman, dalam pada itu Kerajaan Pusat hanya membantu pada setakat Kota Kinabalu sahaja dan melalaikan projek-projek yang di luar daripada lingkungan Kota Kinabalu—selain daripada itu cuma menerima laporan di atas kertas. Menteri-menteri pun takut hendak pergi jauh daripada Kota Kinabalu. Kalau hendak tahu apa yang berlaku sebenarnya projek-projek di luar bandar Sabah hendaklah sendiri melihat dengan mata kepala dan rintihan rakyat yang berjauhan dari Kota Kinabalu. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat memberi nasihat, seperti yang dijanjikan dalam Rumah yang mulia ini, mengatur Menteri-menterinya melawat di luar bandar Sabah. Apa yang saya dapati

di sini, walaupun di pendalaman, tempat-tempat yang jauh, di tempat-tempat perkahwinan sanak-saudara, Menteri-menteri sanggup menghadiri, tetapi apabila mengenangkan untuk negara, melawat rakyat yang kurang bernasib baik, semuanya penakut, tak berani.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang rakyat di kawasan saya memang berkehendakkan banyak rancangan pembangunan terutama sekali jalanraya antara Tawau ke Semporna, ke Kunak dan ke Lahad Datu masih belum boleh dikatakan memuaskan hati. Kalau diukur kelancaran kemajuan membuat jalanraya ini, kura-kura tua dan sakitpun masih boleh berjalan lebih jauh daripada Kerajaan membuat jalanraya ini. Inilah satu-satunya sahaja jalan perhubungan antara rakyat yang setia di pendalaman, yang berjauhan dari bandar untuk menghubungi antara satu sama lain, tetapi malangnya tidak diambil perhatian berat. Kita telah dengar bertubi-tubi rekomen-rekomen Menteri-menteri di Dewan yang mulia ini, tetapi satupun rekomen tidak membawa daulat dan habis di buku lapuran sahaja. Saya takut pada satu ketika nanti Dewan ini hanya menjadi tempat forum Wakil-wakil Rakyat mencurahkan rasa kepiluan rakyat yang diwakilinya dan pada pihak Menteri-menteri pula bagi menjawab, untuk melepaskan batuk di tangga sahaja. Apa yang dikehendaki jawapan di Dewan ini mempunyai daulat.

Tuan Yang di-Pertua, penerbangan nasional kita adalah satu jalan yang menghubungi rakyat antara rakyat Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Apa yang dilihat rancangan MAS sekarang, sungguh gigih sekali hendak merenggangkan perhubungan antara rakyat ini di mana kita dapati tambangnya semakin hari semakin meningkat naik. Ini bermakna merenggangkan silaturahmi persaudaraan antara kedua belah negeri. Cuba kita tengok baru-baru ini, MAS dengan sendirinya menaikkan tambang, pada hal penerbangan lain tidak menaikkan tambangnya. Kalaulah hendak dikatakan MAS mendapat kerugian jauh sekali, malahan keuntungan berlipat kali ganda. Banyak orang-orang kata MAS mencari untung hanya dengan monopoli penerbangan dalam negeri. Cuba kita lihat mengapa tambang ke tempat lain dalam

negeri naik tetapi tambang pergi ke Singapura tidak naik, begitu juga airport tax, dari sini ke Singapura \$4 tetapi dari Singapura ke sini \$2. Ini boleh menunjukkan satu perbezaan yang besar. Saya tidak tahu di manakah boleh terjadi kesilapan ini. Saya harap MAS dalam melaksanakan tugasnya mencari keuntungan dan kemudahan, jangan cuba hendak menjauhkan persaudaraan antara rakyat kita.

Begitu juga janji-janji Kerajaan terhadap lapanganterbang Subang hendak memperbaiki sistemnya, sehingga sekarang tidak dilaksanakan. Kemudahan-kemudahan yang ada di lapanganterbang Subang sungguh jauh bezanya antara international airport di negara lain dengan international airport di negara kita. Saya harap dalam mencari kebaikan, perkara-perkara yang perlu dan mustahak janganlah sangat memikirkan banyak "tali pita merah".

Federal Secretariat di Kota Kinabalu adalah menjadi satu lambang perpaduan baik antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Tetapi banyak orang tertanya-tanya, apakah mustahak tugas Federal Secretariat lagi diadakan setelah Sabah merdeka, berjanji sehidup semati dalam Malaysia. Sepatutnya kerja-kerja Federal Secretariat hendaklah mengawasi projek-projek yang di-biayai oleh Kerajaan Pusat dan bukannya duduk meneliti aktibitinya melalui laporan-laporan sahaja. Banyak projek Kerajaan Pusat telah tidak berjalan dengan betul dan tidak memberi menafaat kepada rakyat dan negeri yang menggunakan. Misalannya, hospital. Ada hospital, tidak ada doktor; ada doktor, tidak ada rumah; ada dibuat sekolah, tidak ada guru, ada pula rumah guru dibiarkan kosong begitu sahaja. Bangunan sekolah hendak runtuhpun tidak ada orang membuat laporan. Kerajaan Pusat hendaklah meneliti dengan betul projek-projek yang datang direct dari Kerajaan Pusat.

Dari segi keselamatan, Sabah juga tidak ketinggalan dari ancaman-ancaman daripada anasir-anasir anti-nasional. Apa yang didapati perkakas-perkakas untuk membenteras anasir-anasir anti-nasional adalah perkakas-perkakas yang sudah lapuk yang dihantar ke Sabah seperti bot-bot perunda yang tidak boleh bergerak lagi dihantar ke Tawau, Semporna, Kunak dan Lahad Datu.

Malahan di tempat-tempat inilah banyak berlaku piracy dan orang-orang pelarian yang berulang-alik, serta barang-barang dagang antara sebuah negeri dengan sebuah negeri asing dengan secara kecilan.

Ada sebuah kapal Perunda P. 5 yang tidak boleh langsung membuat perundaan di laut. Kalau dibuat ronda, separuh jalan terpaksa berdayung balik ke pengkalan. Tetapi sebaliknya, Menteri kita di Dewan yang mulia ini sentiasa menafikan perkara-perkara ini berlaku dan saya pun tidak menyalahkan Menteri, kerana mereka ini cuma menerima laporan di atas kertas sahaja. Oleh kerana itu, saya berharap perkakas-perkakas untuk menjayakan rancangan keselamatan negara kita ini hendaklah up-to-date, kalau tidak pun, hendaklah setanding dengan apa yang ada di Semenanjung ini.

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan adalah satu perkara yang mustahak di negeri Sabah. Dalam hubungan ini, road tax yang dinaikkan saya minta ditangguhkan dahulu untuk dilaksanakan di negeri Sabah. Kerana di sebelah sana kenderaan-kenderaan masih belum dapat menikmati apa yang dirasai oleh kenderaan-kenderaan di sini. Kemudahannya kurang 72% daripada apa yang dinikmati oleh kenderaan di Semenanjung. Saya harap dalam melaksanakan rancangan menaikkan road tax ini, rakyat Sabah menyusun jari, minta ditangguhkan buat sementara waktu.

Kemajuan industri di Sabah sangat kurang. Saya cukup sanjung tinggi niat Kerajaan dahulu seperti menggunakan serampang dua mata sewaktu mengemukakan Dasar Ekonomi Baru dahulu. Tetapi nampaknya serampang dua mata ini, yang satu mata itu tumpul. Tiap-tiap kali strategi industri dijalankan, negeri Sabah ketinggalan dari segi kemajuan dan juga dari segi participation. Saya tahu orang-orang Sabah kurang pengalaman tetapi kalau orang-orang sebelah sini tidak mahu hendak menunjukkan cara-cara itu sampai bilapun taraf hidup tidak boleh disamakan, masih jauh perbezaannya. Kalau sedemikian rupa, jurang negeri yang berada dengan yang tidak berada dan mundur, makin lama makin besar. Sepatutnya Kerajaan Pusat hendaklah mengatur segala investment dalam sesebuah negeri dalam Malaysia, menjadi ayah kepada negeri-negeri yang lain, dan janganlah diberi pilihan bebas kepada industri-industri

yang ingin menanam modalnya di negara kita atau jangan ada pilih kasih dalam memilih neger-negeri ini. Cara inilah yang adil sekali, kalau tidak, ketidak-adilan akan berlarutan. Saya harap Kerajaan Pusat dengan adanya Economic Planning Unit dan berbagai-bagai penasihat di sekeliling pinggangnya dapat membuat planning yang baik dan teratur supaya serampang dua mata itu dapat digunakan dengan bijaknya.

Tuan Yang di-Pertua, barang-barang keperluan di Sabah telah mendapat perhatian. Dalam pada itu ada juga didapati Enforcement Officer untuk mengawal harga barang-barang keperluan di sana. Semenjak akhir-akhir ini banyak sungutan bahawa barang-barang telah dijual dengan tidak tentu. Ada barang-barang dijual dengan tidak menaruh sebarang tanda harga yang berleluasa tidak diambil tindakan, ada barang-barang kawalan yang dijual harga di bawah counter pun tidak diambil tindakan. Rakyat di sana menaruh penuh kepercayaan kepada Enforcement Officer ini menjalankan kewajibannya tetapi janganlah keterlaluan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong wakil dari Setapak dalam melaksanakan Undang-undang Dadah Berbahaya. Pada masa sekarang didapati Kerajaan mengambil ringan sahaja ke atas pengedar dan penghisap dadah. Selepas ditangkap, dilepaskan begitu sahaja. Ada juga saya dengar orang-orang bercerita, oleh kerana rangsan sangat perkara ini diambil oleh Kerajaan, maka sebab itulah penyalahgunaan dadah merebak. Saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya dikenakan sebat kepada penagih-penagih dadah kalau tidak dapat ditahan. Tiap-tiap kali ditangkap penagih-penagih dadah jangan dilepaskan, disebat dahulu, baru dilepaskan.

5.20 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong dengan sepenuhnya ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Di samping itu saya mengucapkan tahniah dan terima kasih banyak kepada orang-orang yang kaya ataupun yang berpendapatan lebih yang ada dalam Malaysia kita pada hari ini kerana dengan pendapatan lebih dan kaya inilah mereka dapat membayar cukai kepada negara dan dengan cukai itu akan menolong

kepada orang-orang yang miskin dan di samping itu saya berdoa supaya cita-cita Kerajaan untuk menseimbangkan orang yang berpendapatan rendah supaya menaikkan tarafnya lebih tinggi lagi supaya mendapat kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cukai yang telah dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan amatlah berpatutan. Sungguhpun begitu pada pendapat saya patut diperolokkan lagi. Ada dua perkara yang menjadi kewajipan ataupun benda yang mesti digunakan oleh tiap-tiap orang yang ada dalam negara kita ini dan ada perkara-perkara yang tidak mesti ataupun tidak wajib digunakan, bahkan kalau digunakan pun bagi orang yang ada wang dan kadangkadang ada setengah daripada setengahnya haram di segi ugama dan makruh di segi ugama. Tetapi walau bagaimanapun, perkara-perkara ini kita gunakan juga. Dengan sebab itu saya berpendapat bahawa arak dan judi ini tetap haram. Alham rualmai Sir, katanya haram, arak dan judi itu tetap haram. Kita tahu negara kita yang mempunyai penduduk berbilang bangsa dan ada setengah ugama boleh minum arak ataupun boleh main judi, tetapi atas peri kemanusiaan tentulah kita begitu baik. Jadi kalau kita haramkan sekalipun ada orang yang dapat minum arak, misalnya saya contohkan sebagai Bulan Puasa, kalaulah seorang berpuasa sebagai beragama Islam tidak boleh makan dalam Bulan Puasa—haram, tetapi kalau dia makan di tempat yang kita tidak nampak, apakan daya kita hendak tangkap. Begitulah juga arak. Jadi kalau di Malaysia kita boleh haramkan, jangan dia minum arak di khalayak ramai, tetapi kalau dia pergi ke luar negeri, ada setengah negeri yang menghalalkan arak tambahan pula pergaulan kita di luar, ini saya ingat amatlah rumit sedangkan perkara-perkara yang tetap kita haramkan pun tidak boleh kita hendak hapuskan dengan mudah. Saya bersetuju dengan pendapat Wakil dari Padang Terap, tetapi saya berpendapat perkara ini amatlah rumit bagi Kerajaan hendak menjalankannya. Jadi oleh sebab tidak ada jalan lain Kerajaan terpaksa menjalankan juga, dengan sebab itu saya berpendapat daripada hendak dilepaskan langsung, bukan sekadar 20 peratus, 40 peratus tetapi dinaikkan sampai 100 peratus kerana benda ini tidak mustahak. Kalau dia minum arak sekalipun

dengan kerana mahal, barangkali dia terfikir terpaksa minum sedikit, kurang sedikit mabuk dan kurang sedikit hendak mudharatkan kesihatan baginya. Jadi saya berpendapat arak ini patutlah dinaikkan cukai 100 pertus.

Begitu juga rokok, saya telah beri pendapat saya dalam Dewan yang mulia ini pada beberapa tahun yang lepas. Saya berpendapat kenaikan cukai rokok tidak begitu berpatutan, naikkan lagi. Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya salah seorang penghisap rokok yang sehari tidak kurang daripada \$2 lebih tetapi saya berpendapat kalau dinaikkan 50 peratus misalnya, rokok yang harganya \$1 dinaikkan \$1.50 bererti saya sendiri terpaksa membayar cukai kepada Kerajaan sehari \$1. Walaupun kita tahu rokok itu di segi ugama makruh, di segi kesihatan hisap rokok banyak, tentulah batuk, tetapi apakan daya disebabkan ketagih, terpaksa dihisap juga. Jadi biarlah kita jadikan satu kebaikan diri kita sendiri kepada negara. Bagi cukai-cukai yang seperti ini, saya minta Kerajaan dan Menteri yang berkenaan menimbangkan semula dan naikkan lagi.

Begitu juga mengenai perhiasan-perhiasan yang tidak menasabah, pakaian-pakaian yang begitu terlampau mahal, patut dinaikkan lagi. Motokar-motokar sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri, saya amat bersetuju, sebaliknya lebih c.c. itu hendaklah dinaikkan lagi. Motokar ada dua peringkat: perkara wajib, seorang sebuah motokar seperti kita Wakil-wakil Rakyat. Kalau kadar sebuah dikecualikan cukai. Kalau lebih hendak beli tiga, kena bayar hasil sendiri. Jadi kepada motokar inipun, saya berpendapat sebuah untuk keperluan harian ataupun keperluan yang diperlukan cukainya dengan kadar yang berpatutan, tetapi yang lebih daripada mustahak, patut ditimbang dan dinaikkan lagi. Ini pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua. Kepada benda-benda yang amat mustahak, motosikal sebagaimana yang disebutkan oleh Wakil-wakil Rakyat lain, saya bersetuju dikurangkan lagi seberapa yang boleh, dan apa yang lebih perlu lagi seperti makanan, susu seperti Dumex yang tiap-tiap kanak-kanak memakannya, dia tidak boleh mahal kerana kanak-kanak berkehendakkannya, apatah lagi kalau susu ibunya tidak cukup. Perkara yang seperti ini kalau boleh jangan dinaikkan cukai langsung.

Diperkatakan juga TV hendak dinaikkan cukai, saya tidak bersetuju. Sebagaimana yang dikatakan oleh Wakil dari Tanjung Karang itu betul, kerana alat siaran TV di dalamnya ada hiburan, ada pengetahuan. Jadi sesudah Rancangan Malaysia Ketiga banyak tempat yang akan mendapat letrik, hendak beli TV. Perkara yang mustahak sekali bagi orang kampung, bagi rakyat di luar bandar yang terkelip-kelip di matanya ialah TV. Mereka tidak ada azam yang lain, azamnya yang paling berat bila dapat sahaja letrik, TVlah yang hendak dibeli dahulu. Bila TV ini naik harga, ini menjadi satu masalaah baginya. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat cukai TV ini kalau boleh dikurangkan lagi daripada apa yang disebutkan oleh Kementerian yang berkenaan. Begitu juga cukai-cukai yang menjadi keperluan harian, tidak kira kaya atau miskin, apatah lagi kepada kanak-kanak kecil, dikecualikan langsung. Cukai-cukai kepada benda yang tidak memberi faedah ataupun benda itu kalau dibuat pun tidak ada halangan ataupun kalau dibuat lagi menjadi mudharat; dinaikkan lagi seperti kata saya rokok dan arak tadi, walaupun saya salah seorang penghisap rokok yang kuat, untuk kebaikan negara, saya bersetuju perkara ini dijalankan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada industri. Negeri kita maju, kita berjaya. Kalau Kerajaan hendak buat bendang petani, anak-anak luar bandar lari ke bandar; tujuannya ialah untuk makan gaji, untuk mendapat kerja, walaupun gaji sebulan \$100 ataupun \$200. Tujuan mereka bukan berseronok tetapi mencari kerja, kerana di bandar banyak industri, apatah lagi di Kuala Lumpur. Kalau dibandingkan dengan Perlis, saya fikir seperti langit dengan bumi, sudahlah Perlis itu kecil, kalau dibandingkan peratus pun memang sedikit lagi di Negeri Perlis. Dengan sebab itu, saya berpendapat, patutlah kilang-kilang ini juga diikhtiar diadakan di negeri yang kurang maju seperti di Batu Arang, Sungei Petani yang baru-baru ini telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, saya berpendapat boleh juga diadakan di Perlis. Begitu juga kilang cendawan dan lain-lain lagi. Baja-baja hari ini banyak digunakan oleh petani-petani tetapi sayang baja-baja ini diambil daripada tempat lain khasnya daripada luar negeri dan kadangkadang dalam negeri sendiri. Tidaklah patut, Tuan Yang di-Pertua, negeri Perlis dan

Kedah, negeri-negeri di luar bandar yang banyak mendapat hasil daripada pertanian yang mana segala alat yang banyak mendapat hasil itu datangnyanya daripada negeri yang lain. Dengan sebab itu, saya berpendapat Kementerian yang berkenaan patutlah mengusahakan untuk mencari pakar-pakar yang berkenaan untuk mengadakan kilang-kilang baja di Perlis, Kedah dan sebagainya.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap satu kawasan perdagangan bebas di utara Malaysia patut diadakan. Kita tahu negeri yang menjadi sempadan itu walau di mana-mana pun satu negeri yang suka dilawati oleh banyak pelancung, banyak masalah yang hendak ditengok selain daripada membeli barang-barang. Kadang-kadang hendak tengok manusia yang berlain daripada tempat kita. Banyak benda yang tidak ada di Kedah, di Perak ada di sempadan Perlis dengan Siam. Jadi saya berpendapat patut diadakan satu kawasan-kawasan perdagangan bebas yang patut dikhaskan. Segala barang-barang diadakan di situ dibuat di sebelah Malaysia. Tidak macam kita hari ini, segala barang-barang walaupun sedikit terpaksa dikerat melalui Padang Besar pergi ke pekan Siam. Saya tidak mahu sentuh dari segi kesihatan atau kebersihan yang nampaknya pelik sedikit. Saya berpendapat kalaulah Kerajaan kita dapat mengadakan satu kawasan yang khas, bolehlah barang-barang yang mana pelancung-pelancung dari Siam dapat membeli daripada Malaysia dan barang-barang Siam juga kita dapat mengadakan di tempat itu supaya pelancung-pelancung dari Malaysia dapat membeli di dalam kawasan kita Malaysia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada L.P.P. L.P.P. ini baik, bagus. Tiap-tiap bulan saya tengok Timbalan Menteri yang berkenaan mengadakan majlis beri trektor, beri lori termasuklah kalau tidak silap saya pada 17hb yang lalu, telah datang ke Perlis menghadiah sebuah trektor kepada Persatuan Peladang. Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian khususnya kepada Menteri yang berkenaan. Tetapi kalau sekadar hendak beri trektor, lori hendak beri kubota, saya ingat kalau ditambah dengan rancangan lain agak lebih baik lagi. Kita hendak cari supaya hasil padi petani banyak

sedangkan pasaran kita tidak pegang langsung. Kita biarkan orang lain pula memegang pasarannya. Kadang-kadang sedih, Tuan Yang di-Pertua, seorang petani membuat bendang setahun, pukul rata agak saya mendapat bersih tidak lebih daripada \$300. Tetapi sayang yang berniaga dengan hasil petani tadi dalam masa setahun dia dapat beribu-ribu ringgit. Kalau dikumpul pada satu kampung ataupun satu qariah. Jadi patutlah hasil semacam ini, kita cari jalan supaya L.P.P. sendiri mendapat hasil. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan supaya L.P.P. ini selain daripada mereka yang kubota, trektor, lori dan sebagainya yang saya sebutkan tadi menganjurkan satu perniagaan yang khas, beri modal yang cukup kepada Persatuan Peladang supaya dapat perniagaan itu mendapat hasil yang baik. Begitu juga trektor-trektor yang diberi patut diadakan satu tempat membaiki segala alat-alat. Tetapi sayang kadang-kadang satu alat yang harga untuk membaikinya tidak lebih daripada \$10 dihantar ke suatu tempat yang lain, dia kena \$60 dengan tipu daya. Dengan sebab itu saya berpendapat hendaklah ada kerjasama di antara Persatuan Peladang ataupun Kementerian yang berkenaan dengan mengadakan satu tempat membaiki yang khas kepada jenis-jenis yang diberi tadi dengan dipanggil murid-murid daripada I.K.M. ataupun daripada sekolah-sekolah vokesyenal yang ada banyak pada hari ini.

Tetapi yang sedih, Tuan Yang di-Pertua, kita ada sekolah vokesyenal. Kadang-kadang budak-budak ini apabila keluar sekolah jadi office boy. Dia belajar membaiki enjin bila kerja di pejabat, dia jadi office boy. Ini pelik, Tuan Yang di-Pertua. Dengan sebab itu, saya berharap banyak lagi perkara-perkara yang boleh Kementerian yang berkenaan mengadakan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan. Di Perlis patut diadakan satu tempat perusahaan ladang. Kerana di I.T.M. Cawangan Perlis ini kursus perusahaan ladang telah diberikan dengan baik. Jadi kalaulah pelajar-pelajar yang berkenaan berhenti sekolah dan ada kelulusan, tempatnya tidak ada, inilah satu kelemahan kepada kita. Dengan sebab itu saya berharap kerjasama yang erat daripada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pertanian, hendakkan diadakan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh mengenai Kementerian Tanah dan Galian. Kita mendapat tahu Pejabat-pejabat Tanah

ini amat kekurangan pegawai-pegawai. Kadang-kadang permohonan tahun 1954 pun tidak beres sampai ke hari ini. Kita tidak menafikan. Kadang-kadang kita kata Kerajaan tidak cukup wang. Tetapi apa yang kita dengar wang tidak menjadi masalaah sangat. Bagaimana baik sekalipun, Tuan Yang di-Pertua, rancangan kita kalau dari segi pengurusannya tidak teratur dan tidak betul, saya fikir bagaimana banyak wang sekalipun, tentulah projek kita tidak selamat. Dan sebagaimana banyak rancangan sekali-pun, kalau pegawainya tidak cukup, tidak dapat hendak dilaksanakan. Dengan sebab itu, saya merayulah kepada Kementerian yang berkenaan walaupun saya biasa mengemukakan soalan, tolonglah tambah. Ini saya berharap sangat-sangat.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengambilan tanah. Pengambilan tanah ini kita rasa dukacita. Kadang-kadang satu tanah yang diambil untuk membuat satu rancangan dan oleh sebab tuan tanah itu seorang yang kenamaan dan agak disegani oleh orang, kadang-kadang ditukar kepada tanah lain yang kita agak tanah orang itu lebih miskin. Kadang-kadang orang kampung tidak tahu hendak mengadu soal tanahnya. Yang sedihnya tanah yang diambil itu dibayar dengan harga \$2,000 sedangkan harga pasaran tanah hari ini terlampau tinggi. Walaupun di Perlis ataupun di Kedah apatah lagi di Kuala Lumpur, tanahnya dikira kaki. Bila Kerajaan hendak ambil tanah itu, diambil tanah orang yang agak lembut telinganya. Ini saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan dan kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan sepatutnya timbanglah atas pengambilan tanah ini.

Begitu juga dengan rancangan-rancangan jalan. Kadang-kadang dia tengok satu kampung penduduknya bumiputra yang berdekatan dengan satu-satu tempat. Agaknya bumiputra yang duduk di tepi pekan atau tepi bandar hari ini apabila Kerajaan hendak buat satu rancangan, ada setengah-setengah T.A. yang rapat dengan engineer, dia pergi tunjuk satu jalan. Maka kampung-kampung Melayu yang berhampiran dengan Kangar ataupun dengan pekan maka kampung itulah dia ambil. Maka lama kelamaan si bumiputra ini carilah mana-mana hutan; di situ-lah mereka pergi. Manakah hendak sudah, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap perkara ini patut ditimbangan dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi Jabatan Kerja Raya. Saya sendiri baharu-baharu ini pergi ke sebuah Jabatan Kerja Raya. Saya tengok Jabatan Kerja Raya ini amatlah baik, bagus dan banyak mengeluarkan wang. Tetapi saya sedih kerana jabatannya pun masih lagi menggunakan kipas angin. Dan bukan bilik sejuk. Kadang-kadang kita tengok kertas berterbangan naik. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, zaman yang sudah maju, patutlah segala pejabat-pejabat baik Jabatan Kerja Raya di mana-mana pun walaupun pejabat itu hanya ada kerana kecil, kita gunakanlah air-conditioned seperti yang kita gunakan sekarang ini. Bukan semua pakai kipas angin. Jadi itulah syor saya. Saya tahu dalam Jabatan-jabatan Kerja Raya di Kementerian yang berkenaan dapat memperolehi wang, terutama sekali R.I.M.V.nya yang mendapat hasil daripada motokar, cukai jalan dan sebagainya. Jadi patutlah kita beri keistimewaan.

Di samping itu juga sebagai manusia, ada baik dan tidak kurang juga cacatnya, terutama pegawai-pegawai penguji kenderaan di R.I.M.V. Saya berpendapat supaya diambil pegawai yang tetap, janganlah dipakai pegawai kontrek. Kita tahu, saya tidak mahu tuduh tepat, kadang-kadang kawan pernah berkata, hendak dapat lesen motokar atau motosikal bukan payah sangat. Ada "kira" sedikit dapatlah. Jadi kalau pakai "ada kira" ini, Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini lesen motokarkah atau lesen memandu motokar?

Tuan Shaari bin Jusoh: Lesen memandu motokar. Jadi kalau hendak dapat lesen memandu motokar atau motosikal, ada "kira" sedikit katanya, mudahlah dapat. Kalau pakai "ada kira" dengan tidak ada kebolehan, tentulah mendatangkan bahaya. Kadang-kadang kerana dia tidak pandai orang yang lalu di tengah jalan pun mendapat kemalangan. Ini selalu kita dengar. Ada orang cukup cermat. Dia duduk di tepi jalan tetapi oleh sebab hamba Allah ini minum, mabok, bawa motokar laju maka dilanggarnya hamba Allah yang tidak berdosa ini.

Ini satu perkara yang patut kita kaji dengan bersungguh-sungguh. Saya berharap Kementerian yang berkenaan akan mengambil perhatian dari segi ini. Pegawai-pegawai ini patut diberi jawatan tetap, janganlah diambil secara kontrek. Kadang-kadang penguji motokar ini selepas dua tahun; dia pun berhenti daripada pejabat itu. Jadi saya berpendapat hendaklah dibuat cara yang lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap pejabat belia. Pejabat Belia ini sudah baik. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sekarang beri pinjaman wang untuk membeli teksi, untuk membuat syarikat-syarikat, tetapi dari segi pengurusan, Tuan Yang di-Pertua, amatlah perlu. Kadang-kadang biasa terjadi di Negeri saya sendiri pinjaman sampai \$30,000-\$40,000 kerana pengurusan-nya tidak begitu cekap akhirnya pinjaman ke mana, untung ke mana. Jadi, sebelum diberi pinjaman patutlah diteliti cara pengurusannya. Yang kedua, rancangan-rancangan kursus ini pun memandangkan negara kita yang maju itu patutlah ubah sedikit kursus-kursus belia, jangan mengadakan banyak kursus tarian; kursus seniwar. Saya tidak kata semua benda ini tidak baik tetapi patutlah kita banyakkkan kursus-kursus peladang seperti yang ada sekarang dengan diberi latihan yang cukup supaya dapat belia-belia itu mencari mata pencarian sendiri. Begitu juga kursus-kursus melawat sambil belajar ini janganlah diadakan selalu sebab menjadi kesusahan bagi setengah jabatan itu. Misalnya seorang itu baik dari segi belia, dia cergas dalam belia dan sebagai pegawai Kerajaan dia terpaksa pergi melawat sambil belajar keluar negeri. Baharu-baharu ini di negeri saya sendiri, di kawasan saya sendiri, dia anak buah saya sendiri terpaksa pergi melawat sambil belajar dan selalu pergi melawat sambil belajar. Bila dia tak diberi dia kata ini peluang baik untuk aku, aku terpaksa pergi. Pegawai Kerajaan kalau pergi tinggalkan pejabat, pejabat kelam-kabut, kita kekurangan pegawai, dia terpaksa pergi juga, dia minta juga dan akhirnya dia kena pergi. Kalau kursus melawat sambil belajar ini mendatangkan kebaikan tidak mengapa, kadang-kadang kita sedih orang itu sahaja yang selalu pergi melawat sambil belajar, kadang-kadang pegawai Kerajaan merugikan dalam jabatan itu sendiri. Jadi, saya

harap perkara ini patutlah dikaji sungguh-sungguh oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, yang sedih juga apa yang berlaku di Perlis. Perlis ini sebuah negeri yang tidak silap saya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ketiga ialah Raja Perlis. Ini menunjukkan negeri Perlis ialah sebuah negeri

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dalam perbincangan tidak boleh dikaitkan nama Duli-duli Yang Maha Mulia untuk mempengaruhi hujah-hujah Yang Berhormat. Itu tidak boleh.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sebutkan lagi. Kita sama-sama tahu Perlis adalah sebuah negeri yang kecil, tetapi kita akui sebagai sebuah negeri tarafnya sama dengan negeri-negeri lain dalam Malaysia. Apa yang sedih pegawai-pegawai kebanyakannya dicantumkan dengan Kedah—Kedah/Perlis. Ketua Polis Kedah/Perlis dan banyakkah lagi pegawai negeri Kedah/Perlis. Walaupun ada Pengarah Pelajaran di Perlis tetapi dalam pejabat pelajaran Kedah menguasai negeri Perlis. Kami di Perlis ini bukan tidak mahu duduk di bawah Kedah tetapi kalau dua kapten satu kapal akan jadi kelam-kabut. Macamana saya katakan tadi kadang-kadang diarahkan oleh Pengarah Pelajaran Kedah buat satu benda di Perlis, apabila hendak tuntutan elaun atau gaji hendaklah disahkan oleh Pengarah Pelajaran Perlis. Akhirnya pegawai yang berkenaan tidak mahu pergi, penuntut-penuntut atau pelajar-pelajar Perlis sendiri yang rugi. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perkara ini patut dikaji semula. Walaupun negeri kecil tetapi dikhaskan untuk Perlis sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap berkenaan dengan bank. Kita hari ini ada tanah rezab Melayu dan ada tanah yang bukan rezab Melayu. Tanah Rezab Melayu ini dipandang satu segi amatlah baik kerana tidak boleh dijual kepada orang lain, kalau hendak dijual pun dengan berbagai-bagai syarat. Tetapi kadang-kadang tanah rezab Melayu inipun merugikan orang Melayu sendiri, kerana hendak gadai tidak boleh dan hendak buat apa tidak boleh. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, tentang rezab itu kita kekalkan tetapi tentang taraf

tanah itu biarlah kita naikkan sedikit supaya boleh digadaikan juga seperti di Bank Bumiputra dan sebagainya.

Saya dapat tahu di Bank Bumiputra tidak ada peruntukan khas yang boleh digadaikan tanah rezab Melayu kita ini, itu sebab kadang-kadang tanah itu tidak berharga. Walaupun dari satu segi milik hak kita tetapi kita mahu harga tanah itu tinggi. Sebab itu saya berpendapat dan saya mengesyurkan di sini khasnya kepada Bank Bumiputra patutlah mengadakan satu peruntukan supaya tanah rezab Melayu juga boleh dicagarkan sebagai tanah-tanah lain kepada Bank Bumiputra.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cagar atau gadai?

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cagar atau gadai. Kalau cagar memang boleh.

Tuan Shaari bin Jusoh: Untuk digadaikan kepada Bank Bumiputra.

Berkenaan Kementerian Kesihatan, Tuan Yang di-Pertua, amatlah baik. Banyak hospital telah diadakan, khasnya di Perlis boleh dikatakan sebuah hospital yang besar diadakan di Perlis, tetapi yang mendukacitakan setengah daripada kampung-kampung yang terpencil masih kekurangan hospital. Dengan sebab itu, saya mengesyurkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya tempat yang jauh terpencil di luar bandar diadakan lagi hospital-hospital. Saya berharap sangat layanan patutlah dibaiki lagi, kerana layanan adalah satu perkara yang cukup mustahak kepada pesakit-pesakit. Bagaimana kita sakit sekalipun kalau doktor baik dan kalau layanan baik ini menyebabkan penyakit kadang-kadang bertambah baik. Saya biasa mendengar ada doktor yang tidak begitu pandai ataupun pandai lebih daripada orang lain sedangkan kelulusannya sama, tetapi satu senjata yang besar baginya kerana dari segi saikoloji atau kebaikan doktor itu membawa seorang pesakit itu lekas baik daripada pesakit yang lain. Jadi, saya berharaplah kepada jururawat-jururawat dan segala pekerja-pekerja di rumah sakit kita hendaklah mengambil hati betul-betul terutama kepada orang yang sakit.

Saya bercakap dari segi pelajaran. Di Perlis ini saya dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian yang berkenaan akan mengadakan maktab perguruan, tetapi saya dengar khabar angin pula baharu-baharu ini mengatakan maktab perguruan tersebut akan ditarik balik sedangkan di dalam tiap-tiap perjumpaan disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau kalau saya sebut yang tinggi lagi Tuan Yang di-Pertua tidak benarkan. Banyak disebutkan oleh rakyat negeri Perlis yang maktab perguruan yang dinyatakan oleh Menteri yang berkenaan itu patutlah diadakan dan jangan ditarik balik janji tersebut.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bangunan yang hendak dibuat. Saya berpendapat patutlah Kementerian yang berkenaan membuat jangkaan. Kadang-kadang yang peliknya sebuah sekolah sudah dibuat, masa hendak dirasmikan sekolah itu boleh dikatakan tiap-tiap tempat di Perlis, salah satu permintaan yang diminta oleh Pengerusi Lembaga kepada pejabat yang berkenaan tolong ditambahkan satu kelas atau dua kelas lagi, sedangkan yang dibuat oleh Kementerian yang berkenaan sudah empat kelas. Jadi saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita kekurangan wang tetapi patutlah kita buat jangkaan, jangan pada hari kita hendak buka sekolah itu kita tak tahu sekian pelajar di sekitar kampung yang berkenaan, sedangkan kita ada banci tiap-tiap tahun. Saya berpendapat sekurang-kurangnya sampai dua tahun kelas ini cukup untuk murid-murid. Buatlah jangkaan sebelum satu tambahan kelas yang akan dibuat oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang arahan pihak Akauntan Negara tidak membolehkan potongan urusan kesatuan dan koperasi. Umamanya, kesatuan-kesatuan professional pada hal kita selalu merayu agar hubungan baik pihak Kerajaan dan pihak-pihak professional. Saya harap arahan Akauntan Negara itu dapat ditangguhkan untuk kajian semula. Saya dapat tahu macam hari ini segala pinjaman tidak boleh dipotong melalui pay sheet sekolah, maka hutang itu tidak dapat dibayar. Maklumlah, Tuan Yang di-Pertua, bila seorang itu sudah bawa balik wangnya tidak dipotong daripada gajinya, maka wang itu seribu satu macam akan jadi. Jadi, saya berharap arahan yang berkenaan ini patutlah dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan dan Penyiaran adalah satu alat untuk hiburan ataupun satu alat sumber pengetahuan kepada manusia seluruhnya. Dengan sebab itu, saya berpendapat patutlah Radio khasnya TV Malaysia ini mengubah coraknya sedikit. Tuan Yang di-Pertua, rumah saya di Malaysia; Perlis dekat dengan Siam, jadi saya boleh tengok siaran TV Haadyai. Saya amat sedih, Tuan Yang di-Pertua, bila dibuka TV itu walaupun gambar itu potongan orang puteh, potongan lanun, potongan dayak semua bercakap Thai. Saya dengar dahulu Menteri yang berkenaan menyatakan dalam Dewan ini kalau dialihsuara buka mulut dengan suara tidak sama. Saya biasa perhatikan betul. Saya bukanlah hendak bangkang cakap Menteri itu tetapi saya perhatikan mulut dengan suara itu keluar sekali. Jadi, kalaulah di Malaysia

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Angin kuat atau tidak pada masa itu?

Tuan Shaari bin Jusoh: Angin tidak kuat. Jadi sebagai satu kenyataan saya perhati dan saya dengar sama dengan buka mulut, sama dengan tutup mulut, seolah-olah kita tidak nampak apa orang lain bercakap. Kita tahu orang yang bercakap itu adalah orang itu juga yang menerbitkan. Jadi kalaulah negeri Thai boleh buat mengapakah di Malaysia kita ini tidak boleh sedangkan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi Malaysia saya ingat patut dibuat.

Yang kedua, saya berasa dukacita kadang-kadang saya ingat kalau orang luar negeri datang ke Malaysia bila buka TV kita seolah-olah kita ini bukan berada dalam Malaysia, segala rancangan dipenuhi dengan rancangan Inggeris dan sehingga lawak jenaka itupun tidak ada lawak jenaka Malaysia, yang ada pun lancang sangat, lawak jenaka Inggeris itu seolah-olah saya ingat macam negara kita ini bukan Malaysia. Jadi patutlah dialihkan sedikit rancangan ini terutama rancangan yang dimasukkan dalam TV saya berpendapat patut dimasukkan rancangan yang kita buat sendiri. RTM menganjurkan pertandingan lawak jenaka. RTM menganjurkan pertandingan nyanyian lagu keroncong, lagu asli dan sebagainya dan RTM menganjurkan banyak lagi rancangan. Saya berpendapat segala yang dianjurkan itu pemenang pertama kita beri hadiah \$4,000, nombor dua sekian ribu ringgit begitu juga

lawak jenaka dan nyanyian. Mengapakah perkara-perkara yang kita anjurkan sendiri selepas kita buat pertandingan kita tinggalkan orang itu. Kalau hendak ambil pun jarang sekali, misalnya, saya kata lawak jenaka, Badul itu tetaplah kita ambil, semua orang tengok rancangan Badul, kadang-kadang rancangan Badul pun kerap sangat tetapi pemenang nombor dua, nombor tiga kita tidak ambil sekalipun macam Kak Chah yang dapat nombor dua kalau tidak silap saya, amat menarik orang yang mendengar tetapi kita jarang ambil. Jadi kita menganjurkan satu pertandingan dan selepas menganjurkan kita tinggalkan. Saya ingat kalau menganjurkan pertandingan dan kita tidak amalkan, tidak berguna. Begitu juga macam karangan-karangan patut kita buat satu cerita ataupun sandiwara macam kita tengok tiap-tiap kali malam Isnin, patut kita ambilkan daripada karangan yang berguna kita tunjukkan dalam TV dan syarahan-syarahan.

Yang saya amat sedih sekali, Tuan Yang di-Pertua, dalam dua minggu yang lepas syarahan agama kita saya dengar syarahan daripada Tuan Haji Hamka. Kalau kita ada rancangan lain, rancangan cerita Inggeris, cerita itu atau cerita ini kadang-kadang kita ulang sampai dua kali, malam esok sekian cerita ada tetapi macam kita dengar syarahan daripada Tuan Haji Hamka kalau tidak silap saya tidak disebut. Saya sendiri sedang melihat TV siaran Sinaran UGAMA, saya bukanlah hendak menghina ada setengahnya yang dicakap dalam syarahan itupun tidak menarik tetapi kadang-kadang macam Hamka, saya percaya Tuan Yang di-Pertua bersetuju dengan saya bila kita dengar sendiri kita tertarik dan ada setengah pemuda yang duduk di tempat lain sekalipun teringin hendak mendengar tetapi syarahannya yang sedih, pertama kerana terlampau singkat dan yang kedua tidak diberitahu. Saya berpendapat selain daripada perkara-perkara lain kita umumkan dalam TV, kita ulangkan, perkara yang macam inipun kita patut ulang dan patut sangatkan diambilkan selalu kita tukar muka, tukar syarahan sedikit memberi kesedaran beragama kepada kita kerana kita di Malaysia ini, saya tidak mahulah kata Perlis membawa fahaman lain, tentang sembahyangnya semacam juga tetapi kalaulah kita ambil orang-orang macam ini akan menambahkan kebaikan kepada kita.

Satu perkara lagi yang saya sedih ialah TV

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini cerita sedih sahaja nampaknya Yang Berhormat itu (*Ketawa*).

Tuan Shaari bin Jusoh: Sedih yang tidak membawa keseronokan, Tuan Yang di-Pertua. Yang saya tidak berasa seronok ialah cerita Combat. Saya hairan tiap-tiap malam cerita satu lawan sepuluh pun Amerika mesti menang. Biar satu lawan berapa pun Amerika tetap menang, saya pun hairan. Budak-budak yang tengok termasuk saya sendiri asalkan dia tembak semua orang hendak tengok tetapi orang hairan sudah tahu apa kesimpulan cerita itu; tetaplah Amerika menang walaupun satu lawan 14—tetap menang. Mereka seronoklah tengok cerita tembak-menembak, memang seronok sangat. Saya berpendapat biarlah benda ini kalau hendak kata tidak menasabah dengan akal agak saya Kementerian Penerangan akan marah tetapi walau macammanapun saya berharap perkara ini biar bersesuaian ataupun menarik sedikit, benda itu biar menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Belanjawan yang telah diumumkan oleh Menteri yang berkenaan dan saya menegaskan sekali lagi ambillah cukai sebagaimana saya katakan tadi yang tidak begitu menafaat dan mustahak seberapa tinggi yang boleh dan cukai yang diperlukan oleh tiap-tiap orang seboleh-bolehnya tidak payahlah diambil langsung. Barulah bersesuaian sebagaimana kata Syaidina Omar kalau tidak silap saya: Kita ambil daripada orang kaya tolong kepada orang miskin. Inilah yang kita kehendaki.

5.55 ptg.

Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong usul atas nama Menteri Kewangan dan saya suka juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana dengan kebijaksanaan mengemukakan Belanjawan yang diterima dengan gembiranya oleh rakyat jelata.

Saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana dengan timbang rasanya mengecualikan wang pencen yang diterima oleh pesara-pesara daripada Cukai Pendapatan. Sememangnya pesara-pesara di seluruh negara amat gembira atas keputusan Kerajaan ini kerana mereka adalah orang-orang yang

sudah tua dan patutlah diberi sedikit-sebanyak bantuan untuk melegakan penghidupan mereka itu. Sebenarnya keputusan mengecualikan wang pencen daripada Cukai Pendapatan patut dibuat beberapa tahun dahulu tetapi walaupun lambat, keputusan ini patut dialu-alukan. Pesara-pesara tidak mempunyai sesiapaupun untuk menyuarakan kerumitan mereka dan sungguhpun saya dan beberapa orang rakan saya yang lain pernah membangkitkan hal elauun C.O.L.A. mereka pada masa yang lepas, saya rasa amat sukacita kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang baru dan muda itu telah tidak melupakan mereka itu yang telah memberi perkhidmatan yang taat setia kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Kerajaan terhadap keadaan bekalan dan kuasa yang tidak memuaskan di Daerah Bukit Mertajam. Kejadian putus bekalan (breakdown) berlaku dengan kerap sekali dan bagi kali yang terakhir, putus bekalan itu telah berlaku selama lebih 48 jam. Ini telah membawa kerugian dan kerosakan kepada kilang-kilang mengetin bahan makanan, kilang "frozen food", panggung wayang-panggung wayang, restoran-restoran serta gerai-gerai dan kedai-kedai makanan. Ada setengah kawasan dalam daerah itu di mana bekalan letrik begitu lemah sehingga bukan sahaja lampu-lampunya tidak terang untuk kanak-kanak membaca buku, penduduk-penduduk di sana pun tidak dapat menikmati rancangan-rancangan Radio atau TV. Saya telah membangkitkan perkara ini beberapa kali dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan juga dalam Dewan yang mulia ini, tetapi keadaannya tetap tidak berubah.

Satu lagi kelemahan ialah kelambatan untuk menggantikan lampu-lampu jalan yang telah rosak atau alat-alat yang lain. Kadangkala ia memakan masa 2 hingga 3 bulan untuk menggantikan lampu-lampu di Kampung-kampung dan pekan-pekan. Kalau kita menalipon stesyen kecil (sub-station) kita akan diberitahu bahawa wagon bergerak tidak berada di sana ataupun bahan-bahan gantinya tidak ada. Ini telah menyebabkan saya membangkitkan perkara ini kepada Menteri yang berkenaan dalam Parlimen pada mesyuarat yang lepas supaya setor-setor daerah L.L.N. dibekalkan dengan perkakas dan bahan-bahan ganti letrik yang cukup untuk membolehkan segala kerosakan diperbaiki dengan segera.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah kita sering kali dapat melihat lampu-lampu jalan dibiarkan menyala pada waktu siang hari dan ini telah membangkitkan persoalan di kalangan orang ramai kerana pihak L.L.N. yang menyeru orang ramai menjimatkan letrik dengan sendirinya pula telah membazirkan letrik. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab akan menyiasat perkara-perkara yang telah saya bangkitkan supaya kepercayaan orang ramai terhadap L.L.N. tidak hilang langsung.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat bahawa sebelum pilihanraya umum diadakan dalam tahun 1974, satu Rang Undang-undang hendak mencantumkan Majlis-majlis Pulau Pinang dan Seberang Perai telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan. Pada masa itu, saya dan rakan saya iaitu Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara (sekarang Kepala Batas) telah menasihatkan Kerajaan supaya jangan mencantumkan semua Majlis Tempatan di Seberang Perai sebagai suatu Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan sahaja kerana Seberang Perai adalah satu kawasan yang amat luas dan besar. Tetapi Kerajaan masih terus mencantumkan tiga Majlis Tempatan iaitu Majlis Daerah Utara, Majlis Daerah Selatan dan Majlis Daerah Tengah sebagai satu Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dan Ibu Pejabatnya ditempatkan di Butterworth. Dengan Ibu Pejabatnya terletak di Butterworth dan kebanyakan pegawai-pegawai kanannya tinggal di Pulau Pinang saya rasa mereka tidak dapat melawat semua daerah itu sekerap yang dikehendakkan. Daerah Bukit Mertajam, Kepala Batas dan Nibong Tebal dibiarkan pentadbirannya kepada kakitangan yang ditempatkan di sana untuk menjalankannya. Yang merunsingkan ialah semua pegawai-pegawai ini tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan sekiranya keadaan memerlukan. Mereka terpaksa menunggu arahan dari pegawai-pegawai kanannya di Butterworth.

Walaupun Majlis Tempatan Seberang Perai Utara, Majlis Tempatan Seberang Perai Selatan dan Majlis Tempatan Seberang Perai Tengah difikirkan tidak cekap, ketiga-tiga Majlis Tempatan ini telah dapat mengimbangkan Belanjawan masing-masing tiap-tiap tahun kecuali dalam tahun 1969 atau 1970 di mana terdapat perbezaan yang

kecil sahaja antara anggaran hasil dan perbelanjaan. Pada pendapat saya, L.P.K.T. (Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan) sekarang nampaknya tidak dapat menjalankan aktiviti-aktiviti kerana kalau tak salah L.P.K.T. tidak mempunyai wang yang cukup untuk membayar perkhidmatan-perkhidmatan kontrak bagi bulan Oktober, November dan Disember.

Nampaknya usaha dan tindakan mencantumkan ketiga-tiga Majlis Tempatan itu kepada satu Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan tidak membawa kejayaan kerana ianya tidak dapat menunjukkan bahawa ia adalah lebih cekap daripada ketiga-tiga Majlis Tempatan dahulu selepas tiga tahun ia ujud kecuali L.P.K.T. telah menjalankan Penilaian Tahunan atas Rumah dan Harta dengan tujuan menaikkan cukai.

Satu perkara lagi ialah pelan-pelan bangunan kerap kali mengambil masa yang lama untuk diluluskan. Lori-lori baru telah diberi untuk membuang sampah dan sejurus selepas lori-lori itu diterima, satu daripadanya telah terbakar dan hanya injinnya sahaja yang dapat diselamatkan. Yang sebuah lagi telah mengalami kerosakan pada "Steering Assembly"-nya dan terpaksa dihantar balik kepada firmanya untuk diperbaiki. Pada awal tahun ini hampir semua lori sampah telah rosak secara serentak dan L.P.K.T. terpaksa menyewa lori swasta untuk mengangkut sampah dalam daerah-daerahnya. Oleh kerana lori-lori yang disewa ini tidak sesuai untuk mengangkut sampah, banyak sampah sarap telah bertimbun-timbun dalam kampung-kampung, serta pekan-pekan dan ini telah menjadi punca bahaya kepada kesihatan dan kesejahteraan hidup rakyat jelata. Tuan Yang di-Pertua, sehingga dan melainkan L.P.K.T. dapat membuktikan bahawa ia dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat, saya rasa Kerajaan patut mengkaji semula kedudukan L.P.K.T. dengan tujuan menghidup semula Majlis Tempatan yang lama yang telah menunjukkan kebolehan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat di tempat masing-masing. Saya sendiri akan menggalakan langkah serupa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk membina rumah murah atau menyediakan lot-lot perumahan untuk rakyat membina rumah

masing-masing dan dengan itu mengujudkan demokrasi memiliki rumah (home-owning democracy). Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah melakukan lawatan ke Pulau Pinang dan telah merasmikan perbandaran baru Bagan Jaya berhampiran dengan Butterworth. Perbandaran baru Bagan Jaya ini dirancang supaya mempunyai lebih kurang 2,000 yunit perumahan dan apabila siap kelak akan mempunyai penduduk seramai 150,000 orang dari berbagai keturunan. Saya sendiri menyokong penuh Blue Print ini, tetapi saya juga suka mengingatkan Kerajaan negeri Pulau Pinang supaya jangan lupa pepatah ini: "jangan masukkan semua telur dalam sebiji raga". Saya suka menyeru Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan supaya meneliti hal kebajikan dan kelegaan hidup dalam kampung-kampung Baru di mana terdapat bilangan orang-orang miskin yang besar. Kampung-kampung baru ini telah ujud akibat keadaan dharurat 25 tahun dahulu dan sekarang rakyat kampung baru sedang mengalami kesesakan dalam kawasan perumahan yang dibina selama 20 tahun dahulu. Mereka sedang tinggal dalam rumah-rumah yang didapati kecil dan sempit untuk dihuni oleh kesemua anggota keluarga mereka. Saya suka menyeru Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan supaya mencari tanah untuk membina rumah-rumah bagi mereka dan juga sebelum tanah-tanah baru diuntukkan, saya suka menyeru Kerajaan supaya menimbang membina rumah-rumah murah untuk orang-orang miskin dalam kampung-kampung baru itu.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap dalam hal pelajaran. Jumlah peruntukan untuk pelajaran bagi tahun 1977 ialah \$1,769,943,974 dan daripada jumlah ini \$374,152,574 telah diuntukkan bagi Pembangunan. Saya harap negeri Pulau Pinang akan diberi bahagian yang menasabah daripada jumlah peruntukan ini supaya bangunan sekolah baru dapat didirikan di Pulau Pinang dan Seberang Perai khususnya dalam kampung-kampung baru di mana bangunan-bangunan Sekolah Rendah China adalah terlalu buruk untuk diperbaiki. Sekolah di Kampung Juru masih bocor lagi bumbungnya dan keadaan meja dan kerusi sekolah adalah begitu teruk sehingga ianya tidak sesuai digunakan lagi. Mujur baik dengan kerana lawatan Yang Berhormat

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan ke Kampung Juru pada 23hb Ogos tahun ini, beliau telah memberi satu outright grant sebanyak \$5,000 kepada sekolah ini untuk pembelian meja dan kerusi baru. Saya telah berkali-kali membangkitkan asal kedudukan sekolah-sekolah ini dalam Parlimen dan saya menaruh kepercayaan bahawa pada masa sekarang sebuah bangunan baru akan didirikan untuk Sekolah Rendah Juru kerana keadaan bangunan sekolah sekarang amatlah buruk sekali.

6.12 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang berjumlah \$4,694,337,589 yang telah diperuntukkan bagi Perbekalan pada tahun 1977 di samping peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga bagi selama lima tahun sebanyak \$18,600 juta. Bererti pada tahun 1977 ialah tahun yang paling sibuk sekali di samping peruntukan Perbekalan yang diperuntukkan bagi tahun itu bersama-sama dengan peruntukan bagi Rancangan Malaysia Ketiga. Saya percaya di dalam hal ini yang menjadi masaalah yang besar sekali ialah pegawai-pegawai yang hendak menjalankan untuk melaksanakan pembangunan bagi seluruh negara kita. Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan pegawai-pegawai khususnya di kementeriannya yang telah bersusah payah menyusun berkenaan dengan Perbekalan bagi tahun hadapan dan di samping bagaimana hendak menyusun supaya cukai-cukai dapat dipungut dengan sebaik-baiknya.

Pada umumnya, saya dengar rakyat tidak begitu gelisah di atas apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, malahan pula pada tahun ini tahun yang bersejarah sekali, kerana ucapannya bukan sahaja khas untuk Dewan ini bahkan pada masa itu juga rakyat dapat melihat wajahnya, dapat mendengar isi ucapannya dan dapat memberi pandangan pada masa itu juga sepertimana yang diberikan kepada Ahli-ahli di dalam Dewan ini.

Saya percaya anggaran perbelanjaan yang dikemukakan ini bukan sahaja Yang Berhormat Mulia Menteri berasa satu anggaran yang adil, bukan sahaja rakyat dan Ahli Dewan ini bahkan saya yakin Yang Berhormat Menteri-menteri dan Kementerian-kementerianya yakin bahawa mereka ini dapat menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya pada tahun hadapan. Sebagaimana yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, masalah pegawai-pegawai ialah satu masalah yang besar sekali apabila sahaja perbelanjaan begitu banyak hendak dibekalkan kepada seluruh negara bagi pembangunan negara kita ini. Oleh sebab itu, saya merayu kepada pihak berkenaan supaya mengkaji semula bagaimana keadaan yang sebenarnya di dalam negara kita, baik di peringkat Kerajaan Pusat dan di Peringkat Kerajaan Negeri. Adakah pegawai-pegawai kita telah mencukupi bagi menjalankan tugas-tugas yang ditentukan oleh pihak Kerajaan. Jika sekiranya didapati tidak mencukupi eloklah Kerajaan menambah pegawai-pegawai ini supaya tidak menjadi masalah dalam segi perlaksanaannya dan supaya tidak ada sungutan-sungutan daripada mana-mana pihakpun apabila pelaksanaan itu dilaksanakan kelak di dalam masa yang sama bersama-sama dengan Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya pada tiap-tiap tahun yakni apabila sahaja Dewan Rakyat ini meluluskan dan Dewan Negara juga meluluskan peruntukan yang diminta wang ini biasanya sampai ke peringkat daerah secepat-cepatnya di dalam bulan April. Ertinya, di dalam bulan Januari, Februari dan Mac wang ini belum sampai di peringkat tersebut. Pada hal setahu saya pegawai-pegawai di peringkat daerahlah yang paling sibok sekali bagi melaksanakan projek-projek yang telah ditentukan di kawasan masing-masing. Apabila sahaja wang ini sampai pada bulan April dan kerja-kerja hendak dimulakan kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, bulan ini bulan November, saya dapati di peringkat daerah paling sibok sekali untuk menyelesaikan semua rancangan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak yang tertentu bagi pelaksanaan di peringkat tersebut. Di peringkat daerah ini, Pengerusi yakni ketua yang berkenaan ialah pegawai Daerah sendiri. Dialah

yang ditentukan supaya mengawal, memerhati dan memberi fikiran-fikiran bagi peringkat daerah bagi ke seluruh jabatan-jabatan di kawasannya. Selain daripada ia menjadi ketua peringkat daerah ia juga diminta menjadi berbagai-bagai Pengerusi yang telah ditentukan khasnya dari pihak Kerajaan sendiri. Saya dapati di mana-mana jugapun pegawai-pegawai kita terlalu sibok dan jika Kerajaan terlalu banyak memberikan tugas-tugas kepada mereka, saya bimbang apa juga rancangan yang telah ditentukan, baik di peringkat Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri atau mana-mana pihakpun, mereka akan menjadi gelisah pada masa mereka menjalankan tugas-tugas ini, kerana mereka bimbang kalau-kalau tidak dapat diselesaikan pada masa yang sepatutnya. Sepertimana yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, masalah pegawai-pegawai ini hendaklah dikaji dengan baiknyaa.

Pada pandangan umum saya perkatakan ini dalam peringkat pegawai tinggi, bukan sahaja pegawai tinggi, Tuan Yang di-Pertua, peringkat paling bawah sekali, misalnya, buruh, buruh kerjaraya yakni kita biasa tengok pada masa ini saya dapati keadaan ini sudah menjadi suatu perkara yang berlainan sedikit, oleh kerana buruh-buruh ini tidak mencukupi bagi melaksanakan apa juga kerja-kerja bagi jabatan yang berkenaan.

Kalau kita nampak buruh daripada Jabatan Kerja Raya ini sudah tidak mencukupi, saya yakin juga daripada mana-mana Kementerian atau daripada mana-mana Jabatanpun begitu juga, ini kerana satu daripada cara yang dilaksanakan pada tahun sudah yakni pengambilan pegawai-pegawai ditangguhkan dahulu. Pada tahun ini sudahpun diberi peluang untuk pengambilan pegawai-pegawai ini, tetapi tentulah mengambil masa juga kerana apabila peringkat pegawai di peringkat daerah hendak melaksanakan ini kesemuanya terpaksa juga dapat arahan-arahan khasnya daripada Kerajaan Pusat sendiri. Oleh sebab itu, saya merayu kepada Kementerian-kementerian supaya dapat memandangkan perkara ini satu perkara yang besar juga supaya dalam masalah-masalah yang sedang dihadapi di peringkat negeri, di peringkat daerah dapat benar-benar ujud dengan dengan sebaik-baiknya di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Pegawai-pegawai, saya juga tadi menyebut masalaah macammana kewangan sampai ke peringkat daerah di dalam bulan April, saya menyeru supaya Kerajaan dapat mengkaji bagaimana wang ini sebaik-baiknya dapat sampai ke peringkat negeri, ke peringkat daerah lebih awal daripada yang sudah-sudah, pegawai-pegawai kita di peringkat negeri, di peringkat daerah apabila sahaja mereka dan rakyat yang dapat mengikuti ucapan-ucapan daripada Dewan ini, mereka tahu peruntukan-peruntukan yang boleh diluluskan, mereka boleh membuat persediaan yang secukup-cukupnya untuk menjayakan apa yang diperintah apa yang diminta, bukan sahaja oleh pihak Kerajaan bahkan daripada pihak peringkat rakyat sendiri.

Saya percaya Perbekalan 1977 yang dikemukakan ini dapat sambutan yang sebaik-baiknya daripada rakyat, bahkan saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, ucapan-ucapan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang sendiripun menyebut betapa baiknya walaupun ada sebahagian daripadanya mereka tidak puas hati, tetapi pada saya hanya 1% yang paling kecil sekali. Saya suka mengambil peluang di sini mengucap-kan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang ini, kerana di atas sokongan kepada Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 yang dikemukakan oleh Kerajaan. Kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat membentang sebaik-baiknya, begitulah satu gambaran bahawa Kerajaan kita pada masa sekarang—Kerajaan Barisan Nasional—sanggup menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya pada masa akan datang. Jadi dengan ini sungguhpun ada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang menyatakan sebahagian daripadanya tidak puas hati, tetapi barangkali dua, tiga muka sahaja daripada ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, dengan ini tidak ragu-ragu lagi, baik kepada Kementerian baik juga kepada peringkat Jabatan khasnya pegawai-pegawai Kerajaan bolehlah menjalankan tugas-tugas ini dengan sebaik-baiknya. Dalam keadaan ini yang paling penting sekali masalaah rakyat di seluruh negara kita, masalaah rakyat yang seramai 11 juta orang yang kita nampak di dalam bandar-bandar pada keseluruhannya mungkin 1/10 sahaja yang berada di kawasan-kawasan

yang paling baik, tetapi 9/10 lagi atau 90% mereka ini berada di kawasan luar bandar. Baikpun mereka ini berada di Malaysia Barat atau di Malaysia Timur, di Sabah dan Sarawak kepada saya penduduk-penduduk yang di luar bandar sama sahaja pada keseluruhannya terutama sekali di kawasan Matang sendiri. Di kawasan Matang sendiri, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja mereka ini terdiri daripada petani, bahkan di kawasan Matang ini dapat dilihat satu gambaran yang jelas bagaimana penduduk di luar bandar keseluruhannya, ada yang terdiri daripada petani, pekebun kecil, nelayan dan sebagainya yang ada juga di mana-mana di seluruh negara kita. Misalnya, sawah padi pun ada di kawasan tersebut, nelayan yang sentiasa menghadapi kesulitan pun ada di kawasan tersebut, pekebun-pekebun kecil yang sentiasa menghadapi masalaah penghidupanpun ada di kawasan tersebut, peniaga-peniaga kecil yang sedang membangun dalam keadaan sekarang inipun ada di kawasan tersebut. Bukan sahaja bumi-putra, bahkan daripada bukan bumiputrapun ramai juga di kawasan tersebut. Jadi pada saya, saya nampak dengan jelas bagaimana keadaan penghidupan yang sedang dihadapi oleh mereka yang duduk di luar bandar baik di mana-mana juga di seluruh negara kita.

Masalaah yang mereka menghadapi ialah apa yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi dari Bukit Mertajam tadi masalaah letrik, masalaah yang dihadapi apa yang disebut oleh Ahli-ahli yang lain, masalaah air, masalaah jalanraya dan sebagainya yang sedang dihadapi pada masa inipun ada di kawasan Matang. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, apabila sahaja kita mendengar masalaah ini kita jangan terbayang kepada satu-satu daerah sahaja. Pada biasanya, disebut negeri Kelantan, Perlis, Trengganu, Kedah ialah negeri-negeri yang mundur di dalam negara kita. Negeri Perak, Selangor dan lain-lain negeri yang maju biasa disebut begitu. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, pada saya, saya daripada Perak sungguhpun telah disebutkan sebuah negeri yang maju tetapi kawasan-kawasan di luar bandaraya mungkin sama seperti yang dihadapi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, baikpun daripada Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu yang saya perkatakan tadi. Jadi apabila

sahaja Negeri Perak disebut negeri maju bererti di luar-luar bandarnya masih menghadapi masalah-masalah yang patut mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan bagaimana cara yang sebaik-baiknya dapat membantu keseluruhan penduduk-penduduk, baik di negeri-negeri manapun di dalam negara kita ini dapat menjadi perhatian

bukan sahaja bagi Rancangan Malaysia Ketiga bahkan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menyambung lagi esok. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.